



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 19 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA 81)

SOALAN NO. 1 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO. 23

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya
[Tasek Gelugor]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) jumlah syarikat kawalan keselamatan yang dilantik untuk mengawal keselamatan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan polis bantuan bagi menggantikan syarikat kawalan sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat 1,120 kontrak kawalan keselamatan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dilantik melalui proses tender terbuka dengan melibatkan sebanyak 544 buah syarikat kawalan keselamatan.
- (b) KPM dalam proses mengkaji cadangan untuk melantik kakitangan *contract for service* sebagai pengawal keselamatan bagi menggantikan pengawal keselamatan swasta. Walau bagaimanapun, cadangan untuk melantik Polis Bantuan akan diperhalusi dan diteliti dengan beberapa agensi berkaitan

kerana premis sekolah bukan kawasan yang diwartakan seperti mana kriteria yang telah ditetapkan untuk melantik Polis Bantuan.

Rjm40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 19 MAC 2014

SOALAN:

Tuan M.Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kes tunggakan yang terdapat di Mahkamah Buruh dan Mahkamah Perusahaan. Apakah langkah-langkah dan usaha yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengendalikan kes tertungak ini

PR-1321-L59253

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah mewujudkan sebuah tribunal untuk membuat keputusan terhadap tuntutan yang dibuat di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) yang dikenali sebagai Mahkamah Buruh. Tuntutan ini adalah tuntutan kewangan berkaitan hak *statutory* samada pekerja atau majikan.

Kedudukan Kes Di Mahkamah Buruh

2. Pada tahun 2013 sebanyak 14,762 kes perbicaraan di Mahkamah Buruh yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Daripada jumlah itu sebanyak 13,312 atau 90.2% kes telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu kurang 90 hari dan kes yang masih belum selesai dalam tempoh 90 hari adalah sebanyak 727 atau 4.9% kes. Hanya sebanyak 723 atau 4.9% kes yang masih tertunggak. Kedudukan kes tuntutan di Mahkamah Buruh pada tahun 2013 adalah di Jadual 1.

Jadual 1: Kedudukan Dan Jumlah Kes Tuntutan Di Mahkamah Buruh Pada Tahun 2013

Bil	Kedudukan Kes	Jumlah	Peratus
1.	Kes Selesai	13,312	90.2
2.	Kes Belum Selesai (dalam tempoh 90 hari)	727	4.9
3.	Kes Belum Tertunggak (lebih 90 hari)	723	4.9
4.	Jumlah Kes Kendali	14,762	

Sumber: Labour Market Database (LMD), KSM

Langkah-Langkah Yang Diambil Untuk Mengatasi Masalah Tunggakan

Untuk makluman Dewan Yang Mulia,

3. JTK telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk meminimumkan kes-kes tertunggak ini. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai terlatih mengendalikan kes *Prosiding* atau tatacara pendengaran kes di Mahkamah Buruh adalah informal, mudah dan murah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai JTK yang berkeelayakan. Namun begitu pendengaran kes ini tidak meninggalkan prinsip hak keadilan asasi (*natural justice*) yang diikuti oleh mahkamah-mahkamah atasan. Pegawai pendengar kes juga memberi perhatian kepada peraturan-peraturan mahkamah yang mengawal sesuatu perbicaraan. Ini bertujuan untuk mengelak keputusan Mahkamah Buruh daripada dirayu dan ditolak oleh Mahkamah Tinggi semata-mata disebabkan oleh kesilapan mengikuti peraturan-peraturan tersebut.
- (ii) Menggabungkan beberapa kes menjadi satu kes Kes-kes mudah (*clear cut*) seperti tuntutan gaji, bayaran gaji ganti notis dan sebagainya yang dipersetujui atau diakui oleh pihak kena tuntutan kepada satu kes bagi memudahkan proses penyelesaian kes. Kes seperti ini berakhir dengan persetujuan bersama semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di bawah KSM terdapat Mahkamah Perusahaan yang berperanan mendengar kes-kes pembuangan kerja dan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber

Manusia. Remedi yang diberi oleh Mahkamah Perusahaan tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

5. Mahkamah Perusahaan sememangnya senantiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak mengikut usia kes. Berikut adalah kedudukan kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan sehingga 31 Januari 2014:

Jadual :Kedudukan Kes Tertunggak di Mahkamah Perusahaan sehingga 31 Januari 2014

PERKARA	2012	2013	2014 sehingga 31.1.2014
Menunggu Bicara	2139	1803	1716
Menunggu Keputusan	191	255	230
Menunggu Hujahan	211	169	153
Prosiding 'Certiorari'	18	10	12
Baki Kes Keseluruhan	2559	2237	2111

6. Berdasarkan statistik sehingga 31 Januari 2014 sebanyak 2,111 kes yang dirujuk masih tertunggak dan belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan. Daripada jumlah tersebut 869 kes merupakan kes lama (kes dirujuk lebih 1 tahun), 847 kes baru (kes dirujuk kurang dari 1 tahun), 230 kes menunggu award diturunkan, 153 kes menunggu hujahan dan sebanyak 12 kes terlibat dengan prosiding certiorari.

7. Mahkamah Perusahaan turut mengambil langkah-langkah bagi

meningkatkan keberkesanan penyelesaian kes seperti berikut:

- i. Menggunakan pendekatan *Alternatif Dispute Resolution* (ADR) melalui kaedah Perantaraan (Mediation) atau Penilaian Awal (Early Evaluation) untuk mempercepatkan penyelesaian kes.
 - ii. Memudahkan prosedur perbicaraan dengan memperkenalkan pemfailan pernyataan saksi sebelum perbicaraan. Ini adalah bertujuan menjimatkan masa semasa perbicaraan di Mahkamah.
 - iii. Tidak membenarkan permohonan daripada peguam untuk menangguhkan perbicaraan kes kerana sesuatu sebab atau alasan melainkan dengan sebab atau alasan yang munasabah dan tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit dan kecemasan.
 - iv. Membangunkan 11 buah Mahkamah Digital iaitu yang menggunakan teknologi Sistem Perekodan Digital. Sistem ini dilengkapi dengan teknologi pengecaman suara yang boleh menghasilkan transkrip nota keterangan secara digital. Perekodan perbicaraan secara digital akan mempercepatkan proses perbicaraan sesuatu kes.
8. Sehubungan dengan itu, Mahkamah Perusahaan dari masa ke semasa berusaha untuk mengatasi segala masalah ini dan akan memastikan semua kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin dan seadil-adilnya.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim [BALING]**

TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan inisiatif Kementerian dalam
merangka perancangan luar bandar di kawasan Baling
daripada segi peningkatan taraf hidup dan ekonomi
setempat terutamanya penoreh getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sememangnya memberi tumpuan kepada masyarakat luar bandar terutama masyarakat pekebun kecil dalam usaha memastikan kesejahteraan mereka sentiasa berada pada tahap yang baik.

Bagi tahun 2014, RISDA telah memperuntukkan bantuan untuk program-program seperti berikut :

- i. Program Tanam Semula berjumlah RM7.9 juta** untuk kawasan Baling bagi membantu dan menggalak lebih ramai peserta menyertai program ini;
- ii. Program Peningkatan Produktiviti Getah** telah **diperuntukkan RM1.0 juta** bagi memastikan pengeluaran hasil dan produktiviti kebun dapat ditingkatkan;
- iii. Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran** dengan pembinaan sebanyak

empat (4) buah Depo Belian **berjumlah RM96 ribu** pada tahun ini bagimemastikan pekebun kecil menikmati pulangan harga yang lebih baik; dan

- iv. Program Aktiviti Ekonomi Tambahan** turut dijalankan di daerah Baling dengan jumlah **peruntukan sebanyak RM210 ribu**. Tujuan adalah untuk peningkatan taraf hidup melalui program keusahawanan di kalangan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu RISDA turut mensasarkan **28 orang pekebun kecil untuk menjadi usahawan RISDA** dalam memberi kesedaran, peluang dan menggalakkan penglibatan masyarakat luar bandar terutama pekebun kecil dan penoreh melalui penyertaan dalam **Kelab Usahawan RISDA (RISEC), Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan Koperasi Pekebun Kecil (KPK)**.

Keseluruhan jumlah yang telah diperuntukkan untuk program-program yang telah dijalankan pada tahun 2014 adalah **sebanyak RM9.2 juta** di kawasan Baling bagi

merangka perancangan luar bandar dari segi peningkatan taraf hidup dan ekonomi setempat terutamanya penoreh getah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6517

SOALAN:

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan sistem MyKad dan MyKid bagi menggantikan Kad Pengenalan lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif pembangunan Kad Pengenalan bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) (cip 32k) telah bermula pada tahun 1999 dan dilancarkan pada tahun 2001 untuk menggantikan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT). MyKad merupakan kad pintar pelbagai guna yang diperkenalkan dengan mengambilkira beberapa faktor dari segi keselamatan, ketahanan dan ciri-ciri teknologi terkini yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan mematuhi ISO7816. Selain itu, MyKad pelbagai guna turut dilengkapi dengan aplikasi (dalam cip) seperti maklumat pengenalan diri, lesen memandu, *Touch n Go* dan *Public Key Infrastructure* (PKI). Penggunaan MyKad juga telah diperluaskan untuk kegunaan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Malaysia (DOSH). Dalam hal ini, kos keseluruhan pertukaran kad pengenalan lama kepada MyKad melalui pelaksanaan projek kad pintar pelbagai guna yang telah mengambil masa selama dua tahun setengah (2½) adalah berjumlah RM 269,955,130.00

Pada 20 September 2002, semasa membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat, Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan supaya semua kanak-kanak yang baru lahir diberikan MyKad yang akan menjadi dokumen

pengenalan dan maklumat diri sepanjang hayat mereka iaitu yang kini dikenali sebagai MyKid. Keputusan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan penggunaan ICT dan dapat mengurangkan karenah mengisi borang semasa berurusan dengan agensi kerajaan dan swasta.

MyKid merupakan kad pintar pelbagai guna yang dikeluarkan secara percuma kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun bertaraf Warganegara Malaysia sahaja. Pengeluaran MyKid adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007). Dalam hal ini, 'My' bermakna 'Malaysia' atau 'Kepunyaan Saya' dan 'Kid' bermaksud 'Kad Identiti Diri' atau 'Kanak-kanak'. Walau bagaimanapun, MyKid bukanlah pengganti kepada sijil kelahiran, sijil anak angkat, sijil warganegara, sijil pengesahan taraf atau Borang W. Seterusnya, jumlah kos keseluruhan bagi pelaksanaan MyKid adalah berjumlah RM 7,650,000.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara bercadang untuk membina Pusat Pemindahan Banjir Tetap di beberapa kawasan yang setiap tahun memang akan dilanda banjir. Semasa bukan musim banjir pusat tersebut boleh digunakan sebagai pusat sukan, pusat latihan atau yang mana sesuai. Ini bagi memastikan mangsa banjir berulang mendapat tempat dan kemudahan yang lebih baik.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan pusat-pusat komuniti seperti balai raya dan sekolah sebagai pusat pemindahan ini sememangnya telah menjadi norma atau amalan biasa, selaras dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang mana memanfaatkan semua prasarana awam secara gunasama.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang telah diadakan pada 24 September 2013 lalu telah menyatakan bahawa daripada sejumlah 4,969 buah pusat pemindahan yang telah didaftarkan, sebanyak 46% atau 2,331 pusat pemindahan adalah sekolah manakala selebihnya adalah Kompleks Penghulu, dewan orang ramai, pusat komuniti dan lain-lain.

Pembinaan pusat pemindahan yang khusus untuk digunakan semasa bencana dilihat masih belum wajar kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar di samping akan menyebabkan pembaziran kerana fungsi khusus tersebut akan menjadikan fasiliti tersebut terbiar semasa ketiadaan bencana.

Sebaliknya, Kerajaan akan meningkatkan keupayaan dari segi kemudahan-kemudahan di Kompleks Penghulu, dewan orang ramai, pusat komuniti, pusat sukan dan lain-lain untuk digunakan sebagai pusat pemindahan. Bagi maksud tersebut, Ahli-Ahli Yang Berhormat

boleh memohon peruntukan melalui Unit Pemantauan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk menambahbaik dan membaiki kemudahan-kemudahan di pusat pemindahan banjir samada di pusat komuniti, pusat sukan dan sekolah-sekolah terutamanya penambahan dari segi bilik mandi dan tandas.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bagi menyediakan jumlah subsidi yang dibayar dan jumlah (tan metrik) minyak masak di bawah COSS di setiap negeri daripada 2008-2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Penstabilan Minyak Masak (*Cooking Oil Stabilization Scheme – COSS*) telah dilaksanakan mulai 1 Jun 2007 bagi membendung kesan inflasi susulan kenaikan harga minyak masak dan juga membantu golongan berpendapatan rendah menikmati harga minyak masak yang berpatutan. Dalam melaksanakan skim ini, Kerajaan menanggung perbezaan harga pasaran minyak olein (minyak masak) berbanding harga asas (*threshold price*) yang ditetapkan pada RM1,700 se tan. Umpamanya, pada harga semasa minyak olein sebanyak RM3,000 se tan, subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM1,300 se tan atau 13 sen per kilo.

Dari tahun 2008 hingga 2013, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM6.215 billion bagi membiayai skim ini. Nilai subsidi tahunan adalah berubah-ubah berdasarkan harga semasa minyak olein tahun berkenaan. Pecahan subsidi dan kuota tahunan adalah seperti berikut:

Jumlah Nilai Subsidi Minyak Masak dan Kuota Tahunan

Tahun	Nilai Subsidi Tahunan (RM juta)	Jumlah kuantiti minyak masak bersubsidi ('000 tan) setahun
2008	1,177.15	761.47
2009	604.44	803.14
2010	958.34	832.7
2011	1,534.07	850.15
2012	1,198.27	903.45
2013	743.69	924.17
Jumlah	6,215.95	5,075.08

Subsidi ini dibayar kepada kilang penapis. Pemantauan dan penguatkuasaan ke atas COSS dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)
SOALAN : Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah peranan dan usaha yang dilakukan oleh FAMA dalam usaha dan membantu menangani kenaikan harga barangan terutama keluaran pertanian dan ternakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peranan dan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya termasuk FAMA dalam membantu menangani kenaikan harga barangan terutama keluaran pertanian khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan dan ternakan adalah dengan menggiatkan lagi usaha-usaha bagi meningkatkan kecekapan di sepanjang rangkaian pemasaran dengan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

- i. memperkukuh sumber bekalan tempatan melalui program Ladang Kontrak, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), pendaratan ikan dan projek-projek penternakan dengan menetapkan sasaran tahunan contohnya Ladang Kontrak yang dibangunkan adalah seluas 7,000 hektar melibatkan penyertaan seramai 4,500 orang petani dengan anggaran nilai pengeluaran sebanyak RM660 juta bersamaan dengan 330 ribu MT;

- ii. meningkatkan bekal dengan menambah simpanan bekal makanan melalui pengimportan sayur- sayuran dan buah-buahan terpilih untuk tujuan menstabilkan harga produk tersebut di pasaran;
- iii. menggembelng semua kemudahan logistik dengan mempertingkatkan penggunaannya seperti 467 kemudahan penyimpanan, 418 pusat pengumpulan dan 54 pusat pengedaran;
- iv. memperluas akses pasaran melalui 1,664 outlet yang telah dibangunkan dan 581 outlet tambahan pada tahun 2014; dan
- v. Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani dengan menawarkan penjimatan harga antara 5% hingga 20% bagi 32 komoditi terpilih di Pasar Tani seluruh Negara.

Adalah dijangkakan hasil daripada usaha ini akan dapat membantu menangani kenaikan harga barangan terutama keluaran pertanian khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan serta ternakan seperti berikut:

- i. bekal komoditi agromakanan dapat dipastikan berterusan dan sentiasa dalam keadaan segar dan berkualiti;
- ii. harga komoditi agromakanan yang dipasarkan di outlet di bawah kawalan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah 10% lebih rendah;
- iii. mendorong lain-lain peniaga menawarkan harga komoditi agromakanan yang rendah di outlet-outlet mereka;
- iv. tambahan outlet-outlet pemasaran akan memberikan pilihan tambahan kepada pengguna dalam mendapatkan harga komoditi agromakanan yang berpatutan; dan
- v. penjimatan antara 5% hingga 20% berikutan peranan yang dimainkan oleh FAMA, NEKMAT dan NAFAS dalam mewujudkan rantai bekal yang lebih efisien.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah dan peratus sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia mengikut negeri-negeri yang masih tidak mempunyai kemudahan asas air bersih, bekalan elektrik, padang permainan, bilik perpustakaan dan bilik guru. Dalam masa ketiadaan kemudah-kemudahan tersebut, bagaimana cara pentadbir sekolah berkenaan mengurus kekurangan itu bagi memastikan proses pengajaran-pembelajaran berjalan dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha menyediakan kemudahan bekalan elektrik dan air ke semua 10 117 atau 100% sekolah seluruh negara melalui pelbagai sumber. Untuk makluman, bagi bekalan air, terdapat 11 sumber bekalan air asas di sekolah-sekolah. Sumber-sumber air asas di sekolah adalah seperti berikut :

1. Bekalan Air Awam
2. Perigi Berpam Elektrik
3. Perigi Berpam Manual
4. Perigi Tanpa Pam
5. Sungai/Tali air Berpam Elektrik

6. Sungai/Tali air Berpam Manual
7. Sungai/Tali air Tanpa Pam
8. Tangki/Takungan Air Hujan/Rain Harvester
9. Pancur Graviti
10. Tangki Air
11. Perigi Tiub

Manakala bagi menyediakan bekalan elektrik ke sekolah-sekolah, terdapat 15 sumber elektrik asas di sekolah-sekolah seluruh negara . Sumber bekalan elektrik tersebut adalah seperti berikut :

1. 24 jam 3 fasa - TNB/SESCO/SESB
2. 24 jam 3 fasa - Swasta
3. 24 jam 1 fasa - TNB/SESCO/SESB
4. 24 jam 1 fasa - Swasta
5. 24 jam Jana kuasa
6. 24 jam Solar Hybrid
7. 12 jam 3 fasa - TNB/SESCO/SESB
8. 12 jam 3 fasa - Swasta
9. 12 jam 1 fasa - TNB/SESCO/SESB
10. 12 jam 1 fasa - Swasta
11. 12 jam Jana kuasa
12. Jana kuasa Sekolah < 5 kVA
13. Jana kuasa Sekolah = 5 kVA
14. Jana kuasa Sekolah > 5 kVA
15. Solar

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 41 buah sekolah atau 0.4% daripada jumlah keseluruhan sekolah seluruh negara tidak mempunyai bilik guru dan perpustakaan atau pusat sumber kerana sekolah-sekolah ini

berstatus menumpang. Sekolah-sekolah yang menumpang adalah mengikut kriteria seperti berikut :

1. Menumpang sebahagian sekolah lain
2. Menumpang sepenuhnya sekolah lain
3. Menumpang sebahagian lain-lain bangunan
4. Menumpang sepenuhnya lain-lain bangunan
5. Menyewa sebahagian
6. Menyewa sepenuhnya

Berhubung dengan sekolah yang tidak mempunyai padang atau gelanggang, sebanyak 448 buah sekolah atau 4.4% masih tidak mempunyai kemudahan tersebut. Faktor utama ketiadaan kemudahan adalah sebahagian sekolah yang berkenaan adalah sekolah tumpang atau Sekolah Kurang Murid (SKM).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan rakyat mengoptimumkan perkhidmatan *online* yang disediakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan *Online* Kerajaan merupakan salah satu pendekatan Kerajaan dalam mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan, selain menyumbang kepada inisiatif teknologi hijau di negara ini. Kerajaan melalui Institut Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengambil

pelbagai langkah bagi memastikan perkhidmatan online yang disediakan digunakan secara optimum oleh rakyat.

Bagi memastikan penggunaan Perkhidmatan *Online* ini digunakan secara optimum oleh rakyat, Kerajaan melaksanakan program turun padang bagi menyebarkan Perkhidmatan *Online* ini kepada penduduk di kawasan luar bandar dan bandar. Ia dilaksanakan menerusi 10 siri Pameran *Online*, Mudahnya (NKEA CCI EPP8 *eGovernment*) di 10 lokasi seluruh Malaysia sepertimana berikut :-

- 1) Jom *Online* Mudahnya! Edisi Jelebu
- 2) Moh Kita *Online*, Mudahnya! Edisi Manjung
- 3) Karnival Kerajaan Elektronik dan Inovasi Negeri Kelantan
- 4) Jom *Online* Mudahnya! Edisi Kulim
- 5) Jom *Online* Mudahnya! Edisi Selangau
- 6) Jom *Online* Mudahnya! Edisi Kemaman
- 7) Jejak *Online*, Mudahnya! Edisi Melaka
- 8) Digital *Lifestyle Expo*
- 9) CAPAM *Regional Forum*
- 10) Festival belia Putrajaya

Dalam satu kajian soal selidik, didapati tahap kepuasan hati pelanggan berkaitan promosi menerusi **Program Jom *Online* Mudahnya!**, 98.9% responden bersetuju bahawa promosi yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berkesan dan telah memudahkan rakyat berurusan dengan Kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah meningkatkan promosi Sistem Penyampaian Perkhidmatan *Online* Kerajaan khususnya bagi program-program yang berimpak tinggi sepertimana berikut :-

- 1) Peningkatan perkongsian maklumat di antara Pegawai Perhubungan Awam Kementerian/Agensi;
- 2) Penyampaian maklumat dan hebahan kepada orang ramai dan penjawat awam merentasi Kementerian/Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan dengan mudah dan cepat; dan
- 3) Kerjasama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan agensi di bawahnya bagi membantu MAMPU menghebahkan promosi inisiatif Kerajaan di stesen television dan radio Kerajaan.

Kerajaan juga telah melaksanakan promosi dan hebahan secara kerjasama menerusi media baru. Sebagai contohnya, hebahan Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) dan Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dipaparkan di laman web dan media sosial Kementerian/ Agensi Sektor Awam.

Program promosi juga diperkukuhkan lagi menerusi semua medium hebahan seperti media elektronik dan media cetak dengan penghasilan iklan-iklan inisiatif Kerajaan, penghasilan rencana, iklan di akhbar dan majalah tempatan serta hebahan menerusi slot wawancara/ temubual di stesen TV dan radio. Sebagai contohnya, wawancara TV di Selamat Pagi Malaysia, Astro Awani, Astro Vanavil, KL FM, Nasional FM, dan Trexx FM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee
[Petaling Jaya Utara]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab 93% pemohon, dan 70% yang diterima untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan tidak mencapai kelayakan minima 3A untuk SPM; dan sebaliknya hanya 3% daripada yang diterima mempunyai pencapaian cemerlang (*high performers*). Adakah ini sebab kemerosotan kualiti pendidikan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan syarat minimum pengambilan calon guru bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan memperoleh cemerlang dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran **dan** mendapat sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mata pelajaran lain. Calon **juga** mesti mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan satu (1) mata pelajaran yang lain, serta calon mestilah lulus Bahasa Inggeris dan memenuhi syarat bidang pengkhususan yang dipohon. Di samping itu, calon diwajibkan lulus ujian INSAK (Inventori Sahsiah Keguruan), lulus temuduga, tapisan kesihatan serta tapisan keselamatan sebelum dipilih mengikuti program berkenaan.

Namun, pengambilan calon PISMP sebenarnya adalah dalam kalangan lulusan SPM yang cemerlang dan menepati kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi ambilan Jun 2013, sebanyak **42.04 peratus calon** yang ditawarkan dan dipilih adalah terdiri daripada kelompok **calon lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh 9A-12A**, manakala sebanyak **26.80 peratus calon** yang ditawarkan adalah terdiri daripada kelompok **7A-8A**. Hanya **9.23 peratus calon** yang ditawarkan terdiri daripada kelompok **3A-4A**. Dakwaan mengenai kemerosotan kualiti pendidikan kita khususnya berkaitan pengambilan calon PISMP adalah tidak benar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh
[Sabak Bernam]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan Penaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang telah dilaksanakan pada 2012 terhadap pelajar dan penerimaan ibu bapa serta cabaran yang di hadapi oleh guru-guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 dan

pengumuman telah dibuat oleh YAB Menteri Pendidikan pada 18 Mac 2014. Antara penambahbaikan adalah Dokumen Standard Prestasi (DSP) dipermudahkan; guru tidak perlu lagi menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit; dan guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline*.

Rjm46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]**
TARIKH : **19.03.2014**
SOALAN :

Y.B Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Sejarah Pembentukan Malaysia yang sebenar (penubuhan Malaysia dibentuk bersama North Borneo (Sabah), Sarawak, Singapura dan Malaya) akan diajar di sekolah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua ,

Sejarah Pembentukan Malaysia sememangnya ada dalam kurikulum yang sedang dilaksanakan kini iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Di peringkat sekolah rendah, tajuk ini diajar dalam mata pelajaran Kajian Tempatan Tahun 6 di bawah tajuk Pembentukan Malaysia. Manakala di peringkat sekolah menengah, tajuk ini dijelaskan secara khusus dalam mata pelajaran Sejarah di Tingkatan 3 dan Tingkatan 5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pelaksanaan transformasi kurikulum, tajuk Pembentukan Malaysia diambil kira sebagai tajuk yang khusus dalam pembinaan jati diri sebagai warganegara melalui mata

pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah dilaksanakan mulai Tahun 4 di Tahap II pada tahun 2014, dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017.

Rjm46

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa pada Pentadbir Agama Islam di peringkat Kebangsaan mahupun Negeri untuk mengeluarkan Fatwa yang harus dipatuhi oleh penganut agama bukan Islam. Apakah mekanisme yang terbaik untuk mengendalikan isu-isu berkaitan hak beragama.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara-perkara yang berhubung dengan Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Antara perkara-perkara yang diperuntukkan dalam senarai berkenaan termasuklah penentuan perkara mengenai hukum Syarak yang merangkumi fatwa. Oleh itu, **mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama hendaklah dipatuhi oleh orang Islam dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat termasuk orang bukan Islam.**

Sekiranya mana-mana pihak mempertikaikan perkara tersebut sehingga boleh mencetuskan perpecahan dan ketidakharmonian di kalangan masyarakat, maka tindakan boleh diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] seperti yang berikut:

- (a) **Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan** memperuntukkan mengenai kesalahan menyebabkan dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dsb., pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan.
- (b) **Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948** juga telah memperuntukkan kesalahan mengenai kecenderungan menghasut.

Berhubung dengan **mekanisma untuk mengendalikan isu-isu berkaitan hak beragama**, Kerajaan pada masa ini menggunakan mekanisma *engagement* dan dialog melalui Jawatankuasa

Mempromosi Persefahaman Dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA) yang diurusetikan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Melalui mekanisma tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan menyelaras badan-badan pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGO Islam) yang menganggotai jawatankuasa ini dalam menganjurkan program dan dialog bersama wakil-wakil agama lain. Sewajarnya, isu-isu yang menyentuh sensitiviti keagamaan dibincangkan melalui mekanisma tersebut dan perbincangan secara terbuka hendaklah dielakkan bagi mengekalkan perpaduan antara penganut dan menyelesaikan isu-isu berkaitan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEEK (MAS GADING)

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN : 25

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bilangan permohonan Bantuan Lesen 1Malaysia setakat ini di kawasan Parlimen Mas Gading; dan
- (b) daripada jumlah permohonan tersebut berapakah peratusan yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan rekod penganjur iaitu pihak Sekretariat Hal Ehwal Bandar (SHEB) Pemuda UMNO dan Syarikat MyEG Services, terdapat seramai **1,035 calon** yang berjaya didaftarkan dan layak bagi menyertai program Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) di kawasan Parlimen Mas Gading.

- b) Daripada jumlah calon tersebut, **sehingga 25 Februari 2014**, seramai 45 calon telah berjaya mendapatkan lesen belajar memandu (LDL) masing-masing. Manakala seramai 990 calon masih lagi dalam proses menjalani kursus dan latihan di institut memanduserta ujian berkomputer di pusat ujian sebelum layak menduduki ujian praktikal yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai penuh Duta-duta Khas serta Penasihat-penasihat Khas sehingga tarikh ini, kepakaran dan tanggungjawab mereka, saraan penuh yang dinikmati termasuk faedah dan jumlah kosnya ke atas bajet, dan mengapakah mereka masih dikekalkan perlantikannya.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 8 orang Duta Khas dan Penasihat telah dilantik dengan tanggungjawab berikut:

1. YBhg. Dato' Seri Dr. Abdullah Bin Md Zin, Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri - Memberi nasihat kepada YAB Perdana Menteri berkaitan agama Islam.
2. YBhg. Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum, Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri Mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara - Memberi nasihat kepada YAB Perdana Menteri berkaitan isu-isu pelaksanaan dan pembangunan inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara.
3. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Kepada Kerajaan Malaysia.
 - i. Membantu mewakili Kerajaan Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas hal ehwal sosial dan kebudayaan bilamana diperlukan oleh YAB Perdana Menteri;
 - ii. Membantu Kerajaan Malaysia dalam isu-isu berkepentingan kepada Malaysia dalam hal ehwal sosial dan kebudayaan yang boleh melibatkan aspek-aspek

perundangan, hubungan serantau, tadbir urus dan pembangunan bangsa secara amnya; dan

iii. Membantu Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan jaringan hubungan kerjasama dengan badan-badan swasta dan bukan Kerajaan dalam hal ehwal sosial dan kebudayaan.

4. YB Tan Sri Ong Ka Ting, Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China .

i. Memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan ekonomi strategic RRC dengan meningkatkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan di RRC;

ii. Memberi tumpuan khas kepada isu-isu pelaksanaan projek pembangunan usaha sama Malaysia-Republik Rakyat China Taman Perindustiran Qinzhou dan penyelesaian isu-isu tersebut;

iii. Mencadangkan kepada Kerajaan langkah-langkah bagi meningkatkan pelaburan langsung asing dari RRC ke Malaysia;

iv. Bekerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan yang ada hubung kait dengan perdagangan dan pelaburan di Republik Rakyat China;

- v. Menjalankan program-program bersama kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan perdagangan dan pelaburan di Republik Rakyat China; dan
 - vi. Bekerjasama dengan sektor swasta Malaysia dan di Republik Rakyat China dalam menjalankan program-program berkaitan bidang perdagangan dan pelaburan.
5. YBhg. Dato' Seri S.Samy Vellu, Duta Khas ke India dan Asia Selatan Dalam Bidang Infrastruktur.
- i. Memperkukuh dan memartabatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah pusat atau sumber infrastruktur kelas pertama dan syarikat-syarikat pembinaan di India khususnya di rantau Asia Selatan;
 - ii. Untuk merundingkan pemberian [awarding] kontrak infrastruktur dengan Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri di India dan rantau Asia Selatan dalam konteks 'Government to Government' dan 'Government to Business';
 - iii. Mengenal pasti peluang dan potensi untuk syarikat-syarikat Malaysia menjalankan projek pembangunan dan infrastuktur di India dan negara-negara Asia Selatan;
 - iv. Mengenal pasti isu-isu yang membabitkan pelaburan dalam bidang infrastuktur di India dan Negara-negara Asia

Selatan serta menentukan dasar untuk menangani isu-isu tersebut;

- v. Mencadangkan kepada Kerajaan langkah-langkah bagi mewujudkan jalinan kerjasama dalam bidang pembangunan dan infrastruktur di India dan Negara-negara Asia Selatan;
 - vi. Bekerjasama dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan Kerajaan yang berkaitan yang ada hubung kait dengan pelaburan dalam bidang pembangunan dan infrastruktur di India dan Negara-negara Asia Selatan;
 - vii. Menjalankan program-program bersama Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pelaburan dalam bidang pembangunan dan infrastruktur; dan
 - viii. Bekerjasama dengan sektor swasta tempatan dan di India serta Negara-negara Asia Selatan dalam menjalankan program-program berkaitan dengan bidang pembangunan dan infrastruktur.
6. YB Dato' Sri Dr. Jamaludin bin Mohd Jarjis, Penasihat kepada Jabatan Perdana Menteri dan Duta Khas ke Amerika Syarikat.

- i. Mewakili Kerajaan Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas khas bila mana diperlukan oleh YAB Perdana Menteri;
- ii. Membantu Kerajaan Malaysia dalam usaha-usaha melobi dengan Kerajaan Amerika Syarikat serta pelobi-pelobi di Negara tersebut dalam isu-isu kepentingan kepada Malaysia;
- iii. Melobi sokongan ke atas dasar Kerajaan Malaysia pada *Track II Diplomacy*;
- iv. Menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan bioteknologi di antara Malaysia dan Amerika Syarikat;
- v. Membantu Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan jaringan hubungan dengan ahli-ahli politik, ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat dan menggalakkan pertukaran lawatan antara personaliti-personaliti tersebut yang boleh menghasilkan persefahaman yang lebih tinggi dan kerjasama yang erat;
- vi. Membantu Kerajaan Malaysia meningkatkan hubungan ekonomi terutamanya dalam bidang bioteknologi, perdagangan dan pelaburan dua hala dengan membina jalinan hubungan kerjasama rapat dengan ahli-ahli perniagaan dan pihak swasta, serta menggalakkan pertukaran lawatan antara pihak swasta Malaysia dan Amerika Syarikat;

- vii. Mempertahan dan mempromosikan kepentingan dan dasar Kerajaan Malaysia dalam tugas-tugas khas yang diarahkan;
 - viii. Melaksanakan inisiatif-inisiatif Kerajaan;
 - ix. Melaksanakan program-program *touch point* Kerajaan agar berjalan lancar dan berkesan; dan
 - x. Bekerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan serta menjalankan program-program berkaitan.
7. YBhg. Dato' Sri Shahrizat Binti Abdul Jalil, Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita.
- i. Memberi khidmat komplementari kepada usaha-usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat dan sektor swasta dalam menjayakan program-program pembangunan keusahawanan dan ikhtisas wanita;
 - ii. Menyebarkan maklumat mengenai bantuan pembiayaan, insentif dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dan swasta untuk membangunkan keusahawanan dan ikhtisan wanita; dan
 - iii. Menyalurkan maklumbalas kepada Kerajaan mengenai isu-isu pelaksanaan program-program pembangunan

keusahawanan wanita dan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu tersebut termasuk isu-isu strategik berhubung pembangunan keusahawanan dan ikhtisas wanita.

8. YBhg. Dato' Seri Tiong King Sing, Duta Khas Perdana Menteri Ke Asia Timur Yang Merangkumi Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.
 - i. Memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan perdagangan strategik negara-negara Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea Selatan dan Taiwan dengan meningkatkan lagi jalinan kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan;
 - ii. Memberi tumpuan khas kepada isu-isu pelaksanaan projek pembangunan usaha sama antara Malaysia dengan Jepun, Korea Selatan dan Taiwan;
 - iii. Mencadangkan kepada Kerajaan langkah-langkah bagi meningkatkan pelaburan langsung asing dari Jepun, Korea Selatan dan Taiwan ke Malaysia;
 - iv. Bekerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan berkaitan yang ada hubung kait dengan perdagangan dan pelaburan di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan;

- v. Menjalankan program-program bersama kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan perdagangan dan pelaburan di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan;
- vi. Bekerjasama dengan sektor swasta Malaysia dan di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan dalam menjalankan program-program berkaitan bidang perdagangan dan pelaburan; dan
- vii. Menjalankan arahan YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Kerajaan hanya membayar gaji dan elaun mengikut kelayakan masing-masing berdasarkan kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam bajet tahunan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA TEE YONG

KAWASAN : LABIS

TARIKH : 19.3.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 27

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah insentif dan bantuan kerajaan dalam NAP 2014 yang terbuka kepada semua golongan masyarakat dan bukan terhad kepada bumiputera dalam industri automotif.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, insentif yang diumumkan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 adalah terbuka kepada semua syarikat pengeluar kenderaan atau komponen dan alat ganti tempatan dan bukan hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat Bumiputera.

Insentif yang ditawarkan di bawah NAP 2014 adalah dalam bentuk *customised* meliputi antara lain status perintis atau elaun cukai pelaburan, geran R&D dan latihan, pengurangan cukai dan sebagainya. Selain itu, NAP 2014 turut menyediakan pelbagai bentuk pinjaman mudah bagi aktiviti-aktiviti pembangunan keupayaan serta geran bagi pembangunan modal insan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan untuk menubuhkan *Boundary Commission* telah diberikan perhatian oleh Kerajaan termasuk untuk meminda undang-undang pilihan raya yang berkaitan sekiranya perlu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan Penjalanan Pilihan Raya, Pendaftaran Pemilih dan Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian Pilihan Raya, SPR tertakluk kepada Jadual ke 13 Perlembagaan Persekutuan yang mana sebarang cadangan persempadanan semula atau pertambahan kawasan pilihan raya perlu mendapat persetujuan Parlimen selepas ianya dibahas. Kerajaan berpandangan bahawa SPR adalah mampu dan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 1 dan 2, Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dengan baik dan sempurna. Oleh yang demikian, Kerajaan berpendapat pada masa ini belum perlu dan sesuai untuk menubuhkan *Boundary Commission*.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
KAWASAN : SEKIJANG
TARIKH : 19.03.2014
NO. SOALAN : 29

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- a) Apakah pendirian Kerajaan tentang ekonomi Malaysia di masa akan datang memandangkan lebih banyak pelaburan datang daripada sektor perkhidmatan; dan
- b) Berapakah jumlah statistik pelaburan sejak tahun 2010-2013 mengikut sektor.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Sektor perkhidmatan merupakan komponen penting dalam ekonomi Negara dan telah menyumbang sebanyak 55 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2013.

Pada tahun 2013, pelaburan dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM144.7 bilion iaitu meningkat sebanyak atau 17.6 peratus berbanding tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM122.9 bilion. Ini telah membuktikan usaha-usaha Kerajaan dalam memajukan sektor perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di Malaysia supaya terus membuahkan hasil. Sektor ini dijangka akan dapat meningkatkan sumbangan serta menambah satu dimensi baru kepada ekonomi negara.

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha untuk mempromosi dan membangunkan sektor perkhidmatan dalam melengkapkan pertumbuhan dan pembangunan sektor perkilangan di negara ini. Kerajaan mensasarkan untuk meneroka sepenuhnya potensi sektor perkhidmatan dan meningkatkan sumbangannya kepada 67 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 seperti yang disasarkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan

Malaysia (MIDA) sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah proaktif dan agresif bagi meningkatkan daya saing serta menambahbaik strategi penggalakan pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

- a) Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 dengan nilai sebanyak RM144.7 bilion atau 67 peratus, diikuti oleh sektor perkilangan dengan nilai sebanyak RM52.1 bilion atau 24 peratus dan sektor utama dengan nilai sebanyak RM19.7 bilion atau 9 peratus.

Bagi tahun 2013, pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang berjumlah RM144.7 bilion telah menjana sejumlah 4,796 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM125.7 bilion atau 87 peratus merupakan pelaburan domestik manakala RM18.9 bilion atau 13 peratus adalah pelaburan asing.

Bagi tempoh yang sama, subsektor hartanah telah menarik pelaburan terbesar iaitu sebanyak RM83.3 bilion, diikuti oleh subsektor utiliti sebanyak RM9.1 bilion, hab operasi global sebanyak RM7.9 bilion, pengangkutan sebanyak RM7.9 bilion serta hotel dan pelancongan sebanyak RM7 bilion.

Bagi tempoh 2010 hingga 2013 pula, sejumlah RM374.7 billion pelaburan dalam sektor perkhidmatan dengan 18,677 projek telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM321.6

bilion merupakan pelaburan tempatan (86%) manakala RM53.1 bilion adalah pelaburan asing (14%). Pelaburan dalam sektor perkhidmatan ini telah menjana sejumlah 297,570 peluang pekerjaan.

Bagi tempoh yang sama, subsektor hartanah telah menarik pelaburan terbesar iaitu sebanyak RM165.9 bilion, diikuti oleh subsektor pengangkutan sebanyak RM33.9 bilion, utiliti sebanyak RM32.8 bilion, telekomunikasi sebanyak RM31.4 bilion, hotel dan pelancongan sebanyak RM20.4 bilion, perkhidmatan kewangan sebanyak RM15.2 bilion, perkhidmatan pendidikan sebanyak RM6.9 bilion dan perkhidmatan kesihatan sebanyak RM3.5 bilion.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Mohd Ariff Sabri bin
Abdul Aziz [RAUB]**

TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 30

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapa kos sebenar pembinaan MRSM Bentong yang kini telah menjadi gajah putih; dan
- (b) apa sebab MRSM Bentong tidak boleh beroperasi sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

MRSM Bentong, Pahang mula dibina pada 11 Mei 2005 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2008. Pada 6 Disember 2009, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku berhadapan padang hoki yang telah menyebabkan beberapa kerosakan serius kepada padang hoki, sistem loji kumbahan dan laluan kepada loji kumbahan tersebut. Ekoran kejadian tersebut, MARA telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn Bhd untuk membuat kajian keselamatan ke atas MRSM Bentong. Berdasarkan kepada laporan tersebut, pihak Pengurusan MARA merasakan bahawa MRSM Bentong tidak selamat untuk diduduki kerana runtuhannya cerun seterusnya boleh berlaku pada bila-bila masa dan memutuskan untuk memindahkan warga MRSM Bentong ke MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang pada 1 Mei 2010.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kos sebenar pembinaan MRSM Bentong adalah RM73 juta.

(b) Sehingga kini kerja-kerja pembaikan cerun telah dan sedang dijalankan. Sepanjang kerja-kerja pembaikan tersebut beberapa runtuh kecil telah berlaku yang mengakibatkan kelewatan kepada kontraktor untuk menyelesaikan kerja dengan sepenuhnya. Runtuh terbaru telah berlaku pada 12 Disember 2013.

Pada hakikatnya kerja-kerja pembaikan cerun runtuh termasuk menguatkan cerun sekeliling bangunan-bangunan sedia ada, sistem loji kumbahan dan padang hoki telah siap sepenuhnya kecuali dibahagian berhampiran padang hoki akibat runtuh baru berlaku pada 12 Disember, 2013. Namun keadaan itu dipandang serius oleh pengurusan MARA dan mengambil keputusan untuk tidak memulakan semula operasi MRSM Bentong sehingga semua langkah-langkah keselamatan telah dipenuhi. Kerja-kerja pembaikan cerun itu dijangka siap pada bulan Oktober 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD
ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

**TARIKH : 19.03.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pesakit awam yang menerima rawatan di hospital-hospital Angkatan Tentera mengikut tahun semenjak tahun 2008 hingga sekarang; dan**
- (b) berapakah perbelanjaan ubat-ubatan pesakit-pesakit awam yang terpaksa ditanggung oleh kementerian mengikut tahun sepanjang tempoh tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pesakit awam (orang awam, tidak termasuk keluarga tentera, bekas tentera dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)) yang telah menerima rawatan di Hospital Angkatan Tentera (HAT) semenjak tahun 2008 hingga 2013 ialah seramai 202,120 orang iaitu sebanyak 26.9% dari keseluruhan pesakit.

Manakala jumlah perbelanjaan ubat-ubatan pesakit awam yang ditanggung oleh kementerian dari tahun 2008 hingga 2013 adalah sebanyak RM89.9 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : RABU, 19 MAC 2014

RUJUKAN : L2 [PR-1321-L59778]

SOALAN :

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah jangkaan tambahan jumlah pendapatan cukai pintu setahun yang akan dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hasil daripada peningkatan kadar nilai tahunan yang dikenakan oleh pihak DBKL.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjangkakan tambahan jumlah pendapatan cukai pintu setahun yang akan dikutip oleh DBKL hasil daripada peningkatan kadar nilai tahunan ini adalah sebanyak tambahan RM200juta setahun.

Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan tambahan ini hanya boleh dimuktamadkan selepas sesi pendengaran bantahan selesai pada bulan Mac ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]
TARIKH : 19 MAC 2014
SOALAN :

YB Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan faktor-faktor Malaysia antara tiga negara di dunia menyediakan khidmat penjagaan kesihatan terbaik dan berpatutan mengikut Laporan Indeks Persaraan Global 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan Indeks Persaraan Global 2014 (*International Living's Annual Retirement Index 2014*), perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disediakan di Malaysia diiktiraf sebagai perkhidmatan yang berkualiti di peringkat antarabangsa. Malaysia telah disenaraikan antara 3 negara di dunia yang mempunyai perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik bagi kumpulan ekspatriat yang sudah bersara (wargatua). Laporan ini menyenaraikan negara-negara yang sesuai dijadikan tempat tinggal pasca persaraan di seluruh dunia dengan mengambilkira kategori yang penting bagi seorang pesara. Antara kategori yang dinilai adalah penjagaan kesihatan.

Bagi kategori penjagaan kesihatan, laporan ini telah mengambil kira persoalan “Di manakah pesara boleh mendapatkan rawatan setanding dengan rawatan di Amerika Syarikat?”. Ini dibuat melalui temubual ekspatriat untuk mengetahui situasi sistem kesihatan dalam sesebuah negara. Indikator yang dinilai adalah nisbah jumlah pesakit bagi setiap doktor, jumlah katil hospital bagi setiap 1,000 pesakit, kadar peratusan populasi yang mendapat bekalan air bersih, kadar kematian bayi, jangka hayat serta perbelanjaan perkhidmatan kesihatan awam dari peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Antara faktor utama yang menjadikan Malaysia diiktiraf adalah kos perubatan yang rendah berbanding dengan sebilangan negara lain, serta juga kualiti dan kemahiran pakar perubatan. Prosedur dan rawatan yang diberikan adalah mencapai piawaian antarabangsa, manakala reputasi mereka adalah setanding dengan pakar perubatan di negara maju.

Negara dan kerajaan amat bangga dengan pengiktirafan kualiti perkhidmatan kesihatan negara. Ini merupakan hasil dari perancangan sistematik sistem kesihatan negara. Ia termasuk pemastian penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti melalui pembangunan sistem pendidikan dan latihan perubatan yang bertaraf, mengaplikasikan standard perkhidmatan yang tinggi di kedua-dua sektor awam dan swasta, menguatkuasa perintah-perintah dan peraturan relevan dan memantau perkembangan sistem kesihatan.

Walaupun caj perkhidmatan perubatan sektor swasta dianggap rendah berbanding negara-negara maju, namun bagi rakyat Malaysia, ia masih tinggi lebih-lebih lagi bagi rakyat miskin dan tidak berkemampuan. Dengan itu, Kerajaan prihatin untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi rakyat dengan caj rawatan rendah. Caj rendah ini hanya dapat dicapai melalui subsidi yang diberi oleh kerajaan. Dengan peningkatan bilangan penduduk, bertambahnya bilangan wargatua, penggunaan teknologi baru, peningkatan penyakit kronik dan sebagainya, kelestarian (sustainability) sistem kesihatan berkualiti ini menjadi isu yang perlu ditangani.

Isu ini amat penting bagi pembangunan Malaysia ke arah negara maju dan kesejahteraan rakyat dan sedang dirancang melalui pelbagai cara dan aktiviti yang menjangkau Rancangan Malaysia ke Sepuluh dan ke Sebelas. Antara langkah-langkah dibuat termasuk fokus kepada perkhidmatan kesihatan promosi dan pencegahan, rekayasa ulang proses (process re-engineering) penyampaian kesihatan, meningkatkan penggunaan ICT dan memaksimumkan penggunaan sumber kesihatan serta mengurangkan pembaziran. Langkah-langkah ini akan membuat sistem kesihatan lebih efisien. Pada masa yang sama, negara perlu meningkatkan pelaburan dalam perkhidmatan kesihatan supaya dapat memenuhi keperluan kesihatan rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah sebenar rakyat Malaysia yang menghidap penyakit Autisme dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan Pusat Jagaan dan Pembelajaran Awal khusus untuk kanak-kanak Autisme yang mensasarkan keperluan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak ini serta keluarga mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendaftarkan orang kurang upaya (OKU) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Dalam hal ini, OKU autisme tergolong dalam kategori masalah pembelajaran. Hingga 3 Mac 2014, seramai 8,493 OKU autisme telah berdaftar menerusi Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) di bawah kategori masalah pembelajaran.

Tuan Yang Dipertua,

JKM telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kepada kanak-kanak OKU termasuk autisme. Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program yang melibatkan pembabitan secara aktif ibu bapa / penjaga

ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat.

Selain itu, KPWKM telah menubuhkan TASKA OKU pada tahun 2013 dan salah sebuah daripada TASKA OKU tersebut dikhususkan kepada kanak-kanak autisme. Dalam hal ini, KPWKM telah bekerjasama dengan Persatuan Autisme Sibu untuk membuka TASKA Autisme di Sibu, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Selain agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan juga menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak autisme termasuk ahli keluarga. Sebagai contoh, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) membantu individu autistik ke arah kehidupan dengan lebih berdikari dan bermakna. Pada masa ini, terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara yang mana 16 buah pusat tersebut menyediakan program pendidikan awal manakala bakinya (3 buah pusat) menyediakan latihan vokasional kepada individu autistik. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah memperuntukkan geran sebanyak RM656,880 kepada NASOM pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pusat pembelajaran awal kepada kanak-kanak autisme iaitu Pusat Permata Kurnia di bawah Permata Negara akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka. Pembinaan pusat ini telah bermula pada bulan Ogos 2013 dan dijangka siap pada bulan Februari 2015. Pusat ini akan menyediakan program intervensi awal secara komprehensif. Inisiatif ini akan mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme.

Projek yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 6 tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJUNG MALIM]**

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perjalanan pelan transformasi sektor awam yang merangkumi pengambilan kakitangan yang berkualiti dengan sistem merit dan sistem "exit" untuk mereka yang tidak mencapai kualiti perkhidmatan yang memuaskan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat transformasi perkhidmatan awam ialah untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat. Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam menyokong Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (PTS) bagi memastikan perkhidmatan awam berubah mengikut keperluan semasa. Prinsip utama transformasi perkhidmatan awam berpaksikan landasan dan semangat seperti berikut:

- (i) keutuhan tadbir urus;
- (ii) ketinggian semangat patriotisme, budi pekerti, etika korporat dan integriti;
- (iii) keupayaan eko-sistem dan persekitaran perkhidmatan awam yang harmoni dan lestari bagi menjana pembelajaran berterusan, memperkasa daya kepimpinan serta merangsang kreativiti dan inovasi; dan
- (iv) kemajuan sains dan teknologi.

Sehubungan ini, program transformasi sektor awam yang sedang giat dijalankan menitikberatkan elemen kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam. Justeru, dalam usaha untuk melahirkan penjawat awam yang bertenaga, berilmu,

berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif, dasar dan pelan strategik untuk membangun, menarik dan mengekalkan bakat perlu diperkukuhkan bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan pada setiap masa.

Dalam konteks ini, kaedah *MyRecruitment* diguna pakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang komprehensif. Calon perlu melepasi empat saringan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi serta temu duga sebelum boleh dilantik.

Di samping itu, kaedah *Competency Based Interview* (CBI) diguna pakai semasa proses temu duga calon. Berdasarkan CBI, calon-calon yang ditemuduga akan dinilai berdasarkan sembilan (9) kriteria yang diperlukan iaitu cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, berinovatif, kesetiaan kepada organisasi, keterbukaan dan keupayaan untuk memudahcara (*facilitate*). Hanya calon yang memenuhi sembilan (9) kriteria ini sahaja yang akan ditawarkan ke perkhidmatan awam. Selain itu, program pengekalan bakat terbaik turut diperkenalkan di mana pemegang biasiswa JPA yang merupakan pelajar cemerlang akan melalui program *Talent Acceleration in Public Service* (TAPS) dan jika didapati sesuai akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

Bagi memperkukuhkan perkhidmatan awam melalui dasar pemisah (*exit policy*), pegawai awam yang tidak mencapai prestasi yang ditetapkan sama ada dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai

Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan, mereka boleh diambil tindakan yang serius termasuk menamatkan perkhidmatan pegawai atau dibuang kerja di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Walau bagaimanapun, proses penamatan pegawai awam yang dikenal pasti melibatkan proses pemulihan bagi tempoh tertentu sebagai langkah penilaian sebelum perkhidmatan mereka ditamatkan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**
TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memberi pendedahan lebih awal terhadap isu-isu kenaikan kos sara hidup untuk masa-masa akan datang supaya rakyat lebih bersedia dan lebih faham sebab krisis kenaikan yang tidak akan dijangka kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan mengikut kumpulan sasaran yang terdiri daripada pra sekolah, pelajar, belia, wanita, penjawat awam dan pengguna secara umum dan berterusan. Antara skop pendidikan yang telah diberikan kepada pengguna adalah:

i) Kempen Pengguna Bijak dan Pendidikan Kepenggunaan

Konsep pengguna bijak diwujudkan untuk melahirkan masyarakat pengguna bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggung jawab. Kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian, bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pengguna dalam era globalisasi. Penggunaan lestari menggalakkan pengguna mempunyai maklumat, bijak membuat pilihan, membuat keputusan yang tepat dan berbelanja secara berhemah.

Kementerian juga memberi pendidikan dan maklumat berkaitan implikasi negatif budaya berhutang, kesan terhadap budaya membeli-belah dan makan luar, anti pembaziran, meningkatkan kesedaran dalam aspek berjimat cermat, mengamalkan budaya mengutamakan keperluan berbanding kehendak, mendidik pengguna untuk membuat keputusan tepat dan pendidikan yang dapat memberi kesedaran serta perubahan gaya hidup pengguna.

ii) **Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna**

Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna 2014 – 2019 telah diperkenalkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang bermesyuarat pada 5 Februari 2014. Dalam mesyuarat tersebut, peruntukan sebanyak RM 24.57 juta telah diluluskan bagi melaksanakan pelan ini bagi tempoh 5 tahun. Matlamat pelan berkenaan adalah untuk **meningkatkan perlindungan sendiri pengguna** selari dengan sasaran yang ingin dicapai di dalam **Pelan Induk Pengguna 2020**.

iii) **Medium Penyebaran Maklumat**

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan sebaran maklumat melalui pelbagai medium termasuk media cetak, media elektronik, temubual di radio, media baru seperti facebook, twitter, portal 1pengguna.com, selain program turun padang yang telah sedia ada dilaksanakan. Selain itu, portal **www.1pengguna.com** menyediakan aplikasi *price watch* yang membolehkan pengguna menyemak senarai harga barang keperluan harian di kawasan masing-masing. Maklumat *price watch* dipaparkan di akhbar-akhbar utama sebagai rujukan mudah pengguna.

iv) **Kerjasama dengan NGO**

Pada masa ini Kementerian melaksanakan kerjasama dengan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan dan NGO Bukan Kepenggunaan untuk menyebarkan maklumat dan pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat. NGO turut bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberikan **penjelasan kepada rakyat mengenai fakta-fakta sebenar** mengenai isu kenaikan kos sara hidup.

v) **Kerjasama Dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain**

Kementerian juga menyokong kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan lain seperti:

- a) Kempen Pemakanan Sihat - Kementerian Kesihatan Malaysia;
- b) Kempen Bumi Hijau - Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani;
- c) Kempen 3R dan kurangkan penggunaan beg plastik - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- d) Pengurusan Kewangan Bijak - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kementerian berharap melalui program-program yang telah dilaksanakan ini dapat memberi kesedaran dan meningkatkan ilmu kepenggunaan agar masyarakat lebih bersedia dan faham mengenai situasi semasa pasaran.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : **19 MAC 2014**
SOALAN : **37**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah rombongan Malaysia dan perbelanjaan keseluruhan ekspedisi ke Antartika pada 24 hingga 30 Januari 2014 baru-baru ini yang juga melibatkan Menteri Besar Terengganu serta apakah tujuan dan manfaat khusus kepada Malaysia dan Terengganu daripada lawatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Satu delegasi seramai 8 orang peserta daripada Malaysia telah menyertai Ekspedisi Saintifik ke Antartika ke-50 anjuran Institut Penyelidikan Antartika Chile (INACH) dari 18 Januari sehingga 4 Februari 2014. Delegasi Malaysia ini diketuai oleh YAB Dato' Seri Hj. Ahmad Bin Said, Menteri Besar Terengganu.

Penyertaan delegasi Malaysia dalam ekspedisi ini adalah untuk:-

- 1) memperkukuhkan kerjasama antara MARP dan YPASM dengan INACH khususnya bagi meningkatkan penyertaan saintis Malaysia dalam ekspedisi ini;
- 2) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama penyelidikan Antartika antara INACH dan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC); dan
- 3) melawat stesen-stesen penyelidikan di Antartika ke arah mempertimbangkan cadangan penubuhan stesen penyelidikan Antartika Malaysia-Chile.

Penglibatan delegasi Malaysia dalam ekspedisi ini melibatkan kos sebanyak RM 846,328.26 yang dibiayai oleh 3 pihak iaitu :

- 1) YPASM sejumlah RM209,873.72 bagi kos penyertaan 5 orang peserta;
- 2) Kerajaan Negeri Terengganu sejumlah RM239,254.54 bagi kos penyertaan 3 orang peserta; dan
- 3) INACH sejumlah RM397,200.00 iaitu pada kadar USD15,000.00 bagi setiap seorang delegasi Malaysia. Kos ini termasuk penginapan dan makan di atas kapal sepanjang ekspedisi, kos perjalanan kapal dan kemudahan bot serta kakitangan sokongan bagi melawat beberapa buah stesen penyelidikan di Antartika.

Secara puratanya kos yang dibiayai oleh YPASM dan Kerajaan Terengganu bagi setiap delegasi Malaysia adalah sebanyak RM 56,141.00.

Penyertaan delegasi Malaysia dalam ekspedisi ini telah menghasilkan :

- 1) Satu MoU antara INACH dan NARC mengenai kerjasama penyelidikan di Antartika. Kerjasama saintifik ini juga dapat

memperluaskan kerjasama saintifik dalam bidang-bidang lain selain daripada sains Antartika di antara kedua-dua negara;

- 2) INACH telah bersetuju menyediakan akses dari segi infrastruktur termasuk penggunaan stesen penyelidikan milik INACH bagi saintis Malaysia yang melaksanakan kajian saintifik di Antartika;
- 3) Kedua-dua pihak bersetuju untuk menganjurkan satu seminar bersama di antara Malaysia-Chile pada bulan Ogos 2014 bagi mengenalpasti projek-projek penyelidikan kerjasama antara kedua-dua negara. Kerjasama dengan Chile akan mempertingkatkan kehadiran Malaysia dari sudut saintifik di Antartika dan membantu Malaysia mencapai hasrat menjadi ahli konsultatif kepada *Antarctica Treaty System* (ATS);
- 4) INACH telah menawarkan satu tapak di Pulau Roberts untuk penubuhan stesen penyelidikan bersama Malaysia-Chile; dan
- 5) Membuka peluang kepada penglibatan aktif saintis dan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan lain-lain universiti di negeri Terengganu untuk menjalankan kajian saintifik di Antartika dengan kerjasama INACH.

Ringkasnya, Kerajaan Malaysia adalah komited untuk meneruskan program penyelidikan di Antartika demi kepentingan saintifik dan strategik untuk Malaysia mengekalkan kehadiran di benua ini. Program Penyelidikan Antartika Malaysia telah mencapai beberapa kejayaan dan telah meletakkan nama Malaysia setanding dengan negara maju dari segi sumbangan terhadap kemajuan sains dan teknologi rantau ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG [TELOK INTAN]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah penjawat awam yang telah digaji dan berapa jumlah perbelanjaan kasar yang telah dikeluarkan untuk membayar gaji penjawat awam ini; dan
- (b) apakah ada perancangan daripada Kerajaan untuk mengurangkan jumlah penjawat awam bagi sektor yang tidak produktif daripada segi penghasilan perkhidmatan yang efisien.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada gaji bulan Januari 2014, jumlah perbelanjaan emolumen yang dikeluarkan Kerajaan untuk membayar gaji penjawat awam ialah RM 4.4 billion sebulan atau RM 53 billion setahun.

Dalam mempertimbangkan permohonan penstrukturan semula agensi awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi penekanan kepada elemen *outcome* (dengan izin). Jawatan-jawatan yang tidak lagi relevan atau tidak produktif akan dimansuhkan atau ditukar ganti bagi mewujudkan jawatan yang perlu untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan agensi berkenaan.

Selain itu, agensi awam dari semasa ke semasa sentiasa dipastikan dapat memberi perkhidmatan yang efisien dan berkesan melalui pelbagai kaedah. Antaranya melalui program auditan, kajian perbandingan dan turun padang oleh JPA bagi mengenal pasti keperluan sebenar agensi supaya sejajar dengan peranan dan fungsinya sebelum diwartakan dan dikeluarkan Waran Perjawatan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6518

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan jumlah penghuni yang berada di dalam penjara-penjara di negara ini dan kos makanan yang disediakan bagi setiap daripada mereka setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 24 Februari 2014 menunjukkan terdapat seramai seramai 44,316 penghuni yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara Malaysia.

Secara purata kos penyediaan makanan bagi seorang penghuni pada setiap hari ialah RM 7.98. Kos ini adalah rendah kerana makanan berkenaan disediakan sendiri oleh penghuni terpilih dan sihat sebagai satu bentuk latihan kemahiran untuk mereka. Oleh itu kos purata penyediaan makanan sehari bagi seluruh penghuni penjara pada tarikh tersebut adalah berjumlah RM353,641.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]
TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah tertentu dalam menangani masalah perbuatan tidak bertanggungjawab pihak pemborong memanipulasikan harga barangan sebagai punca utama kenaikan harga barang secara mendadak di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga barang di pasaran akibat manipulasi oleh sesetengah pengedar (*distributor*) mungkin disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran atau mungkin juga disebabkan oleh aktiviti anti persaingan oleh para peniaga termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dalam menaikkan harga sesuatu barangan dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di seluruh rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membentaras aktiviti anti persaingan ini yang sememangnya jika tidak dibendung ternyata akan memberi kesan negatif kepada para pengguna negara, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah bertungkus lumus menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan bagi membentaras aktiviti anti persaingan oleh para peniaga yang tidak bertanggungjawab. Keberkesanan usaha MyCC dapat dilihat dengan keputusan penuh dan cadangan-cadangan keputusan yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengeluar ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini. Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pengilang-pengilang ais ini telah bersetuju untuk menaikkan harga sebanyak RM 0.50 bagi setiap beg

tiub ais dan RM 2.50 bagi setiap blok ais. Jika pakatan sesama pengeluar ais ini tidak dibendung ianya ternyata akan memberi impak negatif kepada seluruh rangkaian permintaan produk ais dan akan memberi kesan kepada kenaikan harga makanan dan minuman.

Di samping itu, pihak MyCC juga telah menjalankan beberapa aktiviti penguatkuasaan lain terhadap peniaga-peniaga yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini. Ini termasuklah keputusan penuh terhadap Cameron Highlands Floriculturists Association (CHFA) dan beberapa cadangan keputusan lain seperti MAS dan AirAsia bagi perkongsian pasaran, Megasteel Sdn. Bhd. bagi penyalahgunaan kedudukan dominan dan langkah interim terhadap beberapa syarikat lori yang membuat aktiviti penetapan harga.

Selain itu, dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan pemahaman Akta ini, MyCC turut giat menjalankan program-program advokasi secara meluas dan berterusan termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2013, MyCC telah menjalankan sebanyak 97 advokasi/sesi dialog bersama pihak industri, persatuan dan agensi Kerajaan dan program-program seumpamanya akan diteruskan lagi pada tahun 2014. Program-program advokasi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang kewujudan dan penguatkuasaan Akta ini disamping mengalakkan pematuhan oleh para peniaga (*compliance*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6519

SOALAN:

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan Kerajaan membanteras judi "*online*" yang menyerupai judi slot haram yang semakin berleluasa di dalam internet sejak kebelakangan ini yang mudah diakses dari rumah atau pejabat; dan
- (b) adakah terdapat sebarang tangkapan setakat ini berkaitan sindiket judi "*online*" di Malaysia sehingga Mac 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak PDRM amat peka dan sensitif kepada kegiatan perjudian haram dalam negara terutamanya kegiatan mesin perjudian berkomputer, tumpuan PDRM adalah terhadap premis-premis perjudian haram.

Namun begitu bagi perjudian secara online yang boleh diakses melalui internet sama ada di rumah sendiri atau pejabat, keseluruhannya dianjurkan dari luar negara, dan adalah sukar bagi pihak polis untuk mengesan atau mengambil tindakan kecuali ianya dilakukan di premis-premis perniagaan.

Justeru itu pihak institusi keluarga terutamanya ibubapa perlu sentiasa memantau laman-laman web yang dilayari oleh anak-anak atau ahli keluarga mereka. Pihak ketua jabatan Kerajaan mahupun swasta juga perlu mengadakan sekatan bagi talian internet pejabat mereka untuk mengelakkan kakitangan mereka dari mengakses laman-laman web judi ini secara bebas.

Bagi menjawab soalan (b), jumlah tangkapan mereka yang mengajur perjudian dan pemain di premis perniagaan atau di tempat-tempat lain yang menggunakan internet atau secara online bagi tahun 2013 adalah seramai 15,241 orang dan bagi tahun 2014 (Januari - 15 Februari) adalah seramai 1,909 orang.

Di samping itu tindakan tegas sentiasa diambil untuk membanteras aktiviti yang tidak sihat ini. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

1. Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.
2. Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram dibawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 serta Akta Pencegahan Jenayah 1959.
3. Memperhebatkan tindakan tegas pembanterasannya kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.
4. Mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram.
5. Bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air negeri serta kerajaan tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membenteras kegiatan haram ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Anyi Ngau [Baram]
TARIKH : 19.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan serta bilangan pembinaan sekolah yang akan diluluskan oleh pihak Kementerian di bawah peruntukan bagi tahun 2014 di kawasan Baram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Berdasarkan kepada rekod KPM, permohonan untuk membina beberapa buah sekolah di Parlimen Baram sememangnya telah pun dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Namun, keutamaan pembinaan adalah bergantung kepada keperluan mendesak, dan kemampuan semasa kewangan negara. Dalam hubungan ini, Kementerian akan meneruskan permohonan untuk pembinaan sekolah-sekolah berkenaan dalam *Rolling Plan* akan datang.

NO. SOALAN : 43

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status draf Akta Guaman Syarie yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 1 Julai 2011 untuk disegerakan dan draf tersebut telah pun disediakan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu agenda Kerajaan bagi memartabatkan kedudukan profesion kepeguaman Syarie dan Mahkamah Syariah dalam arus sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia adalah melalui penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie.

Kerajaan telah menggubal model draf Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie untuk digunapakai di negeri-negeri. Bagi tujuan memantapkan draf ini, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia bagi memastikan draf yang lebih komprehensif dapat diwujudkan dengan mengambil kira pandangan semua pihak.

Memandangkan terdapat pandangan agar undang-undang ini hanya diwujudkan di peringkat Persekutuan, maka konsep asas bagi pewujudan undang-undang tersebut kini sedang diteliti bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti akan mematuhi jadual pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6520

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya seorang Pegawai Penyiasat (jenayah) Polis DiRaja Malaysia boleh ditempatkan di setiap balai polis supaya tindakan penyiasatan khasnya yang melibatkan jenayah dapat dibuat dengan segera dalam tempoh masa yang lebih wajar berbanding sekarang yang melibatkan masa menunggu yang terlalu lama hingga menjadi rungutan awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan waran perjawatan terkini, jumlah keseluruhan pegawai penyiasat adalah seramai 2,625 perjawatan yang diseleraskan hanya di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah sahaja. Cadangan untuk menempatkan pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat di semua balai merupakan cadangan yang baik selaras dengan iktizam PDRM untuk memberikan *delivery system* dan *response time* yang terbaik dan pantas bagi setiap kes yang dilaporkan. Walau bagaimanapun cadangan tersebut perlu diperhalusi kerana memberi kesan sampingan dan impilkasi kewangan yang besar dari segi pertambahan perjawatan dan keperluan logistik. Masalah lain yang mungkin timbul adalah dari segi pengawasan kepada kualiti penyiasatan yang mana tidak semua pegawai penyiasat kanan (SIO) boleh ditempatkan di semua balai polis.

Walaupun bagaimanapun, pihak polis akan mengkaji untuk melaksanakan penambahbaikan ini untuk memenuhi kehendak masyarakat, dengan melaksanakannya di daerah terpilih sebagai projek perintis untuk mendapatkan maklum balas keberkesanannya sebelum keputusan muktamad dapat diberikan.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6694

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia selepas Malaysia yang telah jatuh ke tingkat ke -147, iaitu tahap yang paling rendah di dalam sejarah. Apakah Kerajaan akan melarang parti politik daripada mengawal syarikat media.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sememangnya mengamalkan dasar terbuka, liberal dan bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan dan liberalisasi akhbar di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk.

Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk bersuara dan mengeluarkan pendapat, termasuk kebebasan akhbar. Semua individu termasuk kumpulan minoriti mempunyai hak terhadap kebebasan bersuara, tetapi hak ini sewajarnya diseimbangi dengan hak majoriti rakyat keseluruhannya. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya dan masing-masing mempunyai sensitiviti yang tersendiri, maka hak individu ini sewajarnya diiringi dengan tanggungjawab bagi memastikan tidak timbul kekacauan dan gangguan keselamatan sehingga menimbulkan ketidakstabilan politik, sosial dan ekonomi.

Kementerian mempunyai tanggungjawab bagi memastikan media cetak tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat. Kita perlu sedar

bahawa sekiranya kriteria atau ukuran yang digunapakai adalah berdasarkan kebebasan mutlak yang wujud di negara Barat, maka ianya adalah bercanggah dengan sistem nilai dan budaya masyarakat negara ini.

Petunjuk-petunjuk yang telah digunakan untuk mengukur atau menilai sama ada sesebuah negara itu mengamalkan kebebasan akhbar (media) oleh *Reporters Without Borders* adalah tidak adil dan tepat serta tidak merujuk kepada situasi sebenar di negara ini. Analisis telah dibuat dengan merujuk kes-kes yang tidak tepat dan tanpa maklumat yang menyeluruh. Kewujudan perundangan tidak bermakna Kerajaan mengekang kebebasan akhbar tetapi hanyalah sebagai satu mekanisme untuk memantau kandungan media agar tidak memudaratkan ketenteraman awam, kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

Kerajaan akan terus memegang prinsip bahawa wartawan mahupun pengamal media bebas menulis dan melaporkan berita, tetapi perlulah mempunyai tahap kebertanggungjawaban yang tinggi, beretika dan bersikap objektif. Mereka tidak seharusnya membelakangkan kepentingan masyarakat, rakyat dan negara, serta atau mengganggu-gugat perpaduan, kesejahteraan masyarakat dan keselamatan negara.

Beberapa cadangan penambahbaikan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 2012), terutamanya yang

melibatkan elemen *right to be heard* sebelum keputusan untuk menggantung atau membatalkan lesen atau permit penerbitan telah dilaksanakan. Pindaan ini juga melibatkan pemberian Lesen Mesin Cetak dan Permit Penerbitan secara “one-off” dan pemegang lesen dan permit tidak perlu memperbaharui lesen dan permit mereka secara tahunan. Di samping itu, pihak yang tidak berpuashati terhadap keputusan Menteri bagi menolak, menggantung dan membatalkan lesen mesin cetak dan permit penerbitan boleh dibentangkan ke mahkamah untuk semakan kehakiman. Hasilnya cadangan pindaan telah diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan pada 2012.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara turut mengkaji dan meneliti bagi penubuhan suatu badan penapisan sendiri (*self regulatory*) iaitu Majlis Media yang akan mengawalselia laporan berita di kalangan pengamal media tanpa campur tangan daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak pengamal media tidak mengemukakan apa-apa cadangan balas selepas perbincangan (*engagement*) diadakan pada tahun 2012.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : **TUAN WILSON UGAK KUMBONG**
[HULU RAJANG]
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)
SOALAN : Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
ASAS TANI menyatakan adakah terdapat
perancangan oleh Kementerian bagi mewujudkan
sebuah stesen pertanian di Long Busang dan projek
ternakan ikan air tawar dalam sangkar di kawasan
Empangan Bakun bagi membantu penduduk
setempat menambah pendapatan sekaligus
memajukan industri pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Jabatan Pertanian Sarawak sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan sebuah stesen pertanian di Long Busang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Jabatan Pertanian Sarawak juga telah merancang untuk melaksanakan program pembangunan akuakultur di kawasan Empangan Bakun bermula pada tahun 2015 setelah mengambil kira penstabilan ekosistem yang mampan memandangkan empangan ini baru sahaja ditenggelami air pada tahun 2011. Bagi tempoh 2014 hingga 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM3.9 juta untuk kerja-kerja penyediaan Kajian Pelan Pembangunan, Kajian Impak Alam Sekitar dan survei persempadanan serta infrastruktur asas seperti jalan, jeti, bekalan elektrik dan air. Melalui program ini, Kerajaan berharap agar usaha ini dapat menarik minat pihak swasta untuk melabur dan menjadi syarikat peneraju kepada pengusaha-pengusaha akuakultur tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha agar keperluan guru di semua sekolah termasuklah di SJKC adalah mencukupi, terlatih dan berkualiti. KPM melalui Institut Pendidikan Guru (IPG) telah menyediakan latihan perguruan bagi guru bahasa Cina untuk memenuhi keperluan sekolah rendah iaitu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Kebangsaan (SK). Pengambilan pelajar dalam pengkhususan ini dibuat berdasarkan unjuran bagi memenuhi keperluan guru di sekolah-sekolah berkenaan.

KPM juga telah membuat pelbagai perancangan melalui pelaksanaan program Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) kepada semua guru termasuklah guru yang mengajar di SJKC.

KPM juga telah membuat perancangan bagi melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) khusus bagi guru bukan opsyen yang mengajar subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di SJKC bagi tahun 2014. Kursus PITO selama 12 minggu ini di jadual dilaksanakan pada bulan September hingga Disember 2014 di Institut Pendidikan Guru (IPG).

KPM akan terus mempergiatkan usaha ke arah meningkatkan kompetensi dan kualiti semua guru melalui pelaksanaan program LDP yang dirancang.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan undang-undang berkaitan dengan keluarga Islam di seluruh negara.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah penyeragaman, penyelarasan dan pemantapan undang-undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Dalam melaksanakan usaha tersebut,

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil pada tahun 1988 yang diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berfungsi, antara lain, untuk mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara.

Hasil daripada usaha Kerajaan Persekutuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang Syariah di seluruh Malaysia, Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-176 pada 1 Ogos 1997 telah bersetuju untuk menerima pakai undang-undang model yang seragam untuk dikuatkuasakan di seluruh negara.

Berikutan daripada persetujuan itu, Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat kajian mengenai ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Syariah antara negeri dengan memberi tumpuan kepada enam undang-undang utama yang berkuatkuasa di negeri-negeri iaitu :

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
- (c) Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah;
- (d) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (e) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (f) Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Seterusnya, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat kali ke-188 pada 22 Mac 2001 telah memperkenalkan lima model rang undang-undang seragam untuk digunakan di negeri-negeri. Undang-undang tersebut adalah seperti yang berikut :

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
- (c) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (d) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (e) Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Pada masa sekarang, tiga belas (13) buah negeri telah menggunakan sepenuhnya undang-undang keluarga Islam seragam (kecuali negeri Terengganu Darul Iman).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6521

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan berkenaan dengan tapak Kem Tahanan Kamunting, Perak setelah semua tahanan dibebaskan awal tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kepentingan latihan dan pemulihan banduan, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah memutuskan untuk menjadikan Tempat Tahanan Perlindungan Taiping sebagai penjara agro. Pada masa kini terdapat seramai 512 banduan yang tidak berisiko, dalam kategori pra-bebas dan baki hukuman mereka 2 tahun ke bawah sedang menjalani latihan kemahiran dalam bidang pertanian, penternakan dan juga di bengkel perusahaan tempat tahanan berkenaan. Semenjak tahun 1984 sebahagian dari kawasan di Tempat Tahanan berkenaan telah diwartakan sebagai penjara bagi menempatkan banduan.

Berasaskan keperluan meningkatkan bidang latihan untuk banduan, keluasan-kawasan yang ada serta kemajuan yang dicapai dalam bidang pertanian yang telah dilaksanakan, konsep penjara agro akan perkenal dan dikembangkan melalui perancangan seperti berikut:

- i. Semua banduan yang menjalani latihan dalam bidang pertanian dan kemahiran akan dipersijilkan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan kerjasama dari Kementerian Sumber Manusia;**
- ii. Penanaman sayuran yang pada ketika ini digunakan sebagai bekalan makanan banduan untuk tempat tahanan berkenaan dan Penjara Taiping akan diperluaskan untuk bekalan**

beberapa penjara lain yang berhampiran serta jualan kepada pembekal dan pelanggan setempat. Langkah ini adalah selaras dengan konsep sara diri (*self-sufficient*) yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara bagi tujuan latihan kemahiran dan penjimatan perbelanjaan pengurusan;

- iii. Memperluaskan lagi pusat ternakan ikan air tawar yang bukan sahaja dapat membekalkan makanan untuk banduan di penjara zon utara tetapi juga kepada penduduk setempat. Begitu juga tempat tahanan berkenaan akan dijadikan pembekal benih ikan air tawar serta makanan ikan air tawar;
- iv. Begitu juga penanaman buah-buah akan diperkembangkan untuk bekalan makanan banduan bagi penjara sekitar dan juga digunakan untuk proses produk makanan berasaskan pertanian;
- v. Ternakan lembu, kambing dan ayam kampung yang diusaha akan dikembangkan dan pusat memproses akan diwujudkan;
- vi. Perladangan, pengumpulan dan pemerosesan kenaf yang sedang diusahakan dengan kerjasama Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara akan dikembangkan lagi; dan
- viii. Konsep *agrotourism* juga akan memperkenalkan bersama konsep mesej dari penjara iaitu pendidikan pencegahan jenayah. Sehingga kini permohonan yang diterima untuk melawat ke penjara serta mengikuti program pencegahan jenayah adalah tinggi terutamanya dari sekolah.

Sehubungan itu langkah menyediakan prasarana dan keperluan ke arah penjara agro akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan dan tahap kemajuan setiap aktiviti yang dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : **19 MAC (RABU)**

SOALAN : **50**

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memantapkan lagi silaturahim di antara rakyat dan kekeluargaan dan mengurangkan program-program atau rancangan-rancangan yang berunsurkan keganasan di televisyen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Media elektronik khususnya televisyen di negara ini memainkan peranan penting dalam membentuk sikap generasi muda pada hari ini dan untuk memantapkan hubungan silaturahim dalam kalangan keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Pada masa kini, stesen-stesen televisyen kerajaan dan swasta telah banyak menerbitkan program-program berbentuk keagamaan dan ia telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh seluruh rakyat Malaysia seperti program berbentuk realiti TV, *Akademi Al-Quran*, *Pencetus Ummah* dan sebagainya, program secara langsung dan

SOALAN NO: 50

interaktif seperti *Tilawah Interaktif*, *Kalam Suci* dan lain-lain dan juga program ceramah santai seperti *Ar-Rayyan* dan sebagainya.

Kerajaan juga telah mewujudkan satu stesen TV Khas untuk semua siaran berbentuk keagamaan iaitu TV Al-Hijrah. Selain itu, terdapat juga inisiatif TV swasta yang menyediakan rangkaian khusus untuk semua siaran berbentuk keagamaan seperti *Astro Oasis*. Kualiti dan kuantiti bahan-bahan keagamaan dan pendidikan dalam media elektronik sentiasa diberikan penekanan dalam meningkatkan pegangan dan kefahaman tentang nilai-nilai akhlak dalam masyarakat.

Kementerian ini sentiasa memastikan kesemua kandungan stesen-stesen TV kerajaan ataupun swasta mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM '98), mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan di bawahnya serta Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kesemua kandungan pra-rakam seperti drama dan filem juga telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum ia boleh disiarkan di mana-mana stesen televisyen. Selain itu, pihak stesen juga sentiasa digalakkan untuk menyiarkan kandungan yang sejajar dengan aspirasi nasional dan mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : RABU, 19 MAC 2014

RUJUKAN : L3 [PR-1321-L59566]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan aduan yang diterima, berjaya diselesaikan dan tidak berjaya diselesaikan oleh pesuruhjaya bangunan Kuala Lumpur yang diterima daripada pemilik-pemilik unit bangunan bertingkat, perbadanan pengurusan bermasalah sepanjang 5 tahun lalu dan kes-kes yang dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, berdasarkan statistik aduan yang diterima dan diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB) mengikut jenis aduan yang telah direkodkan, daripada sejumlah 19,140 aduan yang diterima untuk tahun 2009 hingga 2013, sebanyak 16,795 aduan telah berjaya diselesaikan.

Aduan ini diterima bukan sahaja daripada pemilik malahan daripada pihak pengurusan bangunan bertingkat sendiri. Jenis-jenis aduan yang diterima ini dikategorikan seperti mana di bawah:-

- 1) Mesyuarat dan pemilihan;
- 2) Pentadbiran dan Pengurusan;
- 3) Penyenggaraan dan Kerosakan;
- 4) Isu Kewangan;
- 5) Khidmat Nasihat;
- 6) Penguatkuasaan COB; dan
- 7) lain-lain.

Jumlah Aduan mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah:

BIL	TAHUN	TERIMA	SELESAI	BELUM SELESAI
1	2009	5177	4591	586
2	2010	5201	4690	511
3	2011	3543	2974	596
4	2012	2596	1966	630
5	2013	2623	2574	49
JUMLAH		19140	16795	2345

** statistik aduan yang diterima dan diselesaikan oleh COB-KL pada tahun 2009-2013*

Berdasarkan statistik di atas, sejumlah 2,345 aduan belum berjaya diselesaikan oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB). Ini merupakan aduan terkumpul dari bulan ke bulan untuk tahun semasa. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan aduan ini belum dapat diselesaikan, sebagai contoh:-

- 1) Tidak mendapat kerjasama daripada pihak pengurusan (JMB/JMC);

- 2) Maklumat atau aduan yang diterima tidak lengkap;
- 3) Pengadu tidak memberikan kerjasama di dalam mesyuarat atau pertemuan dengan pihak lain;
- 4) Aduan pengadu yang tidak berasas tetapi pengadu masih menganggap aduan tersebut relevan;
- 5) Pihak lain (pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan lain-lain) enggan memberikan kerjasama kepada pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB);
- 6) Kurang pemahaman pengadu terhadap bidang kuasa Persuruhjaya Bangunan (COB)

Di samping faktor-faktor di atas, pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) juga menghadapi masalah kekangan, kekurangan atau kelemahan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318), seperti:-

- 1) Peraturan di bawah Akta 663 masih tidak dibentuk bagi membantu pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk menguatkuasakan undang-undang;
- 2) Kuasa kompaun masih tidak diperolehi;

- 3) Garis panduan atau tatacara tidak lagi dibentuk; dan
- 4) Sesetengah seksyen hanya menyatakan arahan yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan, namun tidak menjelaskan tindakan yang boleh diambil oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Walaupun bagaimanapun sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pengurusan Strata 2013 yang digazetkan pada 8 Februari 2013 yang lalu digubal untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama dan Akta Hakmilik Strata berhubung isu-isu pengurusan bangunan berstrata. Akta tersebut sedang dihebahkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di seluruh Malaysia di mana tarikh kuatkuasa penggunaan akta berkenaan belum ditetapkan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kes-kes yang di bawa ke Mahkamah pada kebiasaannya hanya melibatkan dua pihak yang berkepentingan sahaja seperti di antara pemilik dan pihak pengurusan tidak melibatkan pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) secara langsung.

Namun, daripada beberapa peruntukan undang-undang yang menjelaskan kuasa Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk mengambil tindakan, bermula tahun 2009 hingga 2013, sebanyak

15 kertas siasatan telah berjaya disiapkan. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya satu kertas siasatan telah berjaya diserahkan kepada Timbalan Pendakwaraya bagi maksud pendakwaan di mahkamah.

Selanjutnya, pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) dari masa ke semasa sentiasa melakukan pemantauan berkala bagi memastikan sebarang keengkaran terhadap Akta tidak diambil kesempatan oleh pihak yang terlibat disebabkan kelemahan dan kekangan undang-undang sedia ada.

Pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) juga peka terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada aduan yang belum berjaya diselesaikan dan sentiasa mengambil tindakan bagi memastikan kes-kes berkenaan akhirnya berjaya diselesaikan dengan sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 19 MAC 2014
SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada menyediakan apa-apa insentif seperti skim insuran kesihatan atau "*medical card*" bagi staf-staf hospital terutama sekali yang berpangkat dibawah U32 yang bekerja selepas waktu pekerjaan selama hampir 16 jam sehari untuk menangani kos kehidupan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka adalah layak mendapat kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik Kerajaan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menyediakan sebarang insuran kesihatan khusus bagi anggotanya. Walau bagaimanapun, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001, semua pegawai awam akan dibayar *ex-gratia* sekiranya berlaku sebarang musibah terhadap pegawai terbabit.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa semua perkhidmatan kesihatan untuk kakitangan awam termasuk staf-staf di hospital tanpa mengira gred dan pangkat adalah percuma di semua fasiliti kesihatan awam di seluruh negara (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4, Tahun 2010). Sekiranya sesuatu perkhidmatan kesihatan tidak terdapat di sektor awam tetapi dapat diperolehi di sektor swasta, maka kakitangan awam yang memerlukannya boleh dirujuk ke sektor swasta dan dibiayai oleh kerajaan. Sehubungan itu, kakitangan awam adalah terlindung dari perbelanjaan kesihatan yang memudaratkan (*catastrophic health expenditure*) akibat peningkatan kos perkhidmatan dan perawatan kesihatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kakitangan awam memilih sendiri untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari fasiliti swasta, mereka boleh membeli insurans kesihatan swasta atau akses menggunakan wang saku sendiri (*out-of-pocket*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan yang bertugas di kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan jumlah emolumen untuk kakitangan tersebut secara tahunan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kakitangan yang bertugas di Kediaman YAB Perdana Menteri adalah seramai 13 orang. Manakala jumlah kakitangan yang bertugas di Kediaman YAB Timbalan Perdana Menteri adalah seramai 7 orang dan semua bayaran emolumen dibayar berdasarkan kelayakan jawatan sahaja. Jumlah kakitangan tersebut adalah bersesuaian dengan taraf dan keperluan bagi kediaman rasmi pemimpin utama negara iaitu YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri yang mana turut menempatkan ruang pejabat, bilik-bilik mesyuarat, bilik tetamu serta kemudahan-kemudahan sokongan lain yang perlu ditadbir urus sebaiknya. Semua bayaran emolumen dibayar berdasarkan kelayakan jawatan yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW
KAWASAN : KEPONG
TARIKH : 19 MAC 2014, RABU

SOALAN:

YB. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keadaan jalan bertol di negara ini termasuk bilangan dan pampasan yang telah diberi kepada pemegang konsesi. Apakah dasar mengenai konsesi jalan tol.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2014, terdapat 30 lebuh raya yang beroperasi dengan panjang keseluruhan 1,852 km..

Berdasarkan perjanjian konsesi, setiap lebuh raya layak mendapat kenaikan tol pada tahun-tahun tertentu. Dalam hal ini, Kerajaan amat prihatin terhadap beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat khususnya pengguna lebuh raya bertol. Oleh itu, Kerajaan sejak tahun 2008 telah menangguhkan kenaikan tol di 15 lebuh raya yang layak mendapat kenaikan tol.

Jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat konsesi lebuh raya berikutan penangguhan kenaikan tol dari tahun 2008 sehingga 2012, adalah sebanyak RM799.07 juta. Manakala, anggaran pampasan bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing adalah sebanyak RM343.7 juta dan RM404.97 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur. Dalam hal ini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi 'win-win' kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR
KUCHING]**

TARIKH : 19MAC 2014 (RABU)

SOALAN : ~~56~~ 55

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa dalam tempoh 4 tahun (2010 hingga 2013), hanya RM8 juta sahaja yang diperuntukkan untuk pembangunan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching. Bukankah ini amatlah kekurangan memandangkan berbilion-bilion telah diperuntukkan untuk tujuan sebegitu untuk Bandaraya Kuala Lumpur.

bandaraya Kuching jugaboleh disalurkan melalui Kumpulan Wang Terkanun iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA). Untuk tahun 2010 hingga 2013, Kementerian Kewangan tidak menerima sebarang permohonan dari Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan pembangunan pengangkutan awam di bandaraya Kuching melalui KWAPA.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan setuju menanggung semua pelaksanaan hukuman gantung sampai mati dan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula keberkesanannya.

JAWAPAN: YB HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini masih belum mempunyai cadangan untuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah berat. Oleh yang demikian, tiada penangguhan pelaksanaan hukuman mati akan dilaksanakan terhadap banduan-banduan yang telah selesai semua peringkat rayuan di Mahkamah dan permohonan pengampunan telahpun ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

2. Selain itu, tidak timbul isu sama ada Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan hukuman mati atau tidak, kerana urusan penangguhan hukuman mati adalah hak mutlak Lembaga Pengampunan Negeri, yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) bagi segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan bagi kesalahan di dalam sesuatu negeri, oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri (YDP Negeri) negeri yang berkenaan setelah Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman mati dijatuhkan. Di bawah Fasal (1) Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, YDPA, Raja atau YDP Negeri berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan kesalahan-kesalahan Jenayah yang telah dibicara dan disabitkan oleh Mahkamah. Oleh yang demikian, kuasa menangguhkan pelaksanaan hukuman mati setakat ini adalah terletak kepada Lembaga Pengampunan Negeri.

3. Namun begitu, cadangan agar kajian dibuat terhadap pelaksanaan hukuman mati ini telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian lanjut. Jabatan Peguam Negara telah memulakan penyelidikan bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori seperti yang diperuntukkan oleh Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] sahaja, malah merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Selain itu, kajian ini akan turut meneliti kedudukan banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati mandatori. Penyelidikan ini masih lagi dalam tindakan Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6523

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci:-

- (a) bilangan banduan yang telah menjalani hukuman mati sejak 1957 (mengikut kewarganegaraan dan jantina) ; dan
- (b) senarai banduan akhir yang sedang menunggu hukuman mati (mengikut kewarganegaraan, negeri, dan jantina) dan berapa orang banduan telah digantung mati dalam tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1998 hingga 2014, seramai 30 banduan telah dilaksanakan hukuman mati. 25 orang daripada mereka adalah rakyat Malaysia, 3 Nigeria dan 2 Singapura. Hanya seorang daripada banduan berkenaan adalah wanita. Dalam tempoh tersebut juga, seramai 92 orang telah diberikan pengampunan dan diringankan hukuman oleh Lembaga Pengampunan Negeri.**

- (b) Berasaskan rekod Jabatan Penjara pada 15 Mac 2014 tiada rayuan atau petisyen dari mana-mana banduan hukuman mati yang telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan Negeri dan seterusnya perintah pelaksanaan hukuman dikeluarkan yang membolehkan banduan berkenaan dikategorikan sebagai menunggu pelaksanaan hukuman mati iaitu sepertimana pertanyaan Yang Berhormat. Sebaliknya pada tarikh yang sama Lembaga Pengampunan Negeri telah mempertimbangkan peringan hukuman untuk 11 orang banduan.**

Semenjak tahun 2010 hingga 2013, hukuman mati telah dilaksanakan hanya terhadap 4 banduan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah jumlah kos terlibat dalam pemberian skim Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), i.e BR1M 1.0, BR1M 2.0 & BR1M 3.0 mengikut tahun sejak skim ini mula dilaksanakan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu

meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.

2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan

- ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;
- 4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.
- 5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran

dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat

bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima

individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGGALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN : 59

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kedudukan tahap kebebasan media Malaysia berbanding negara-negara lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

World Press Freedom Index oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang

diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak” sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATO' SERI ABD. KHALID
BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 MAC 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah komitmen dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kos pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 pada tahap minimum agar rakyat tiada beban kenaikan tarif ke atas rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Walaupun kos-kos bahan mentah pembinaan meningkat saban tahun, Kementerian saya telah mengarahkan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaku pemilik projek supaya memastikan kos pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2) adalah munasabah dan berpatutan. Sesungguhnya, matlamat utama Kerajaan menubuhkan PAAB adalah untuk menyediakan sistem bekalan air moden yang mampu disewa pajak oleh operator-operator air.
2. Selari dengan matlamat tersebut, Kerajaan yakin bahawa kos bagi melaksanakan Projek LRAL2 ini akan lebih rendah berbanding dengan anggaran asal memandangkan perolehan projek ini akan lebih kompetitif melalui tender terbuka. Proses perolehan ini akan membolehkan PAAB meneliti dan mengenal pasti kontraktor-kontraktor yang kompeten, berwibawa dan benar-benar layak untuk melaksanakan projek ini. Pada masa yang sama, selari dengan dasar semasa Kerajaan, pelaksanaan LRAL2 juga akan turut mengambil kira penyertaan Bumiputera berlandaskan kepada saranan YAB Perdana Menteri untuk memperkasa Ekonomi Bumiputera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]
TARIKH : 19 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci usaha Kementerian dan kos terlibat untuk menghasilkan penawar demam denggi dan penyakit berjangkit sejak tahun 2000 sehingga tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan kes denggi yang terus meningkat, pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan masalah ini ditangani termasuklah mengadakan penyelidikan bagi melihat pelbagai strategi bagi mengawal penyakit berjangkit terutamanya denggi.

Bagi penyakit denggi, pelbagai kajian telah dan sedang dijalankan meliputi aspek vektor, rawatan dan pencegahan. Kajian yang menumpukan kepada penawar denggi banyak dijalankan. Ini termasuklah usaha bagi mencari anti-virus dan pencegahan komplikasi.

Pelbagai sumber tumbuhan dan juga cendawan yang dipilih melalui pengetahuan tradisi ethnoperubatan, dikaji bagi mencari anti-virus. Penemuan dari ujian saringan yang dijalankan masih di peringkat awal dan memerlukan kajian lanjut.

Kajian-kajian ini bertujuan menghasilkan bukti secara saintifik. Kajian kajian ini dijalankan secara sistematik bermula dari bahan mentah iaitu yang berkualiti dan dipiawaikan. Seterusnya saringan potensi anti-virus akan dijalankan. Ini diikuti dengan kajian pra-klinikal dan klinikal. Proses kajian adalah panjang dan kos penyelidikan adalah tinggi. Kebiasaan kos kajian bagi satu herba hingga ke peringkat klinikal ialah lebih kurang RM1 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian memerangi gejala rasuah demi mengembalikan keyakinan rakyat sejak Pilihan Raya Umum yang lepas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah meletakkan Pembanteras Rasuah sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara. Usaha mentransformasikan negara dengan meletakkan Rasuah sebagai salah satu bidang keberhasilan negara telah menjadikan Malaysia sebagai tanda aras (*benchmark*) kepada negara-negara lain seperti Bhutan, Tanzania dan India.

Antara aspirasi utama kerajaan bagi membanteras rasuah di bawah NKRA adalah meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan serta mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan. Sehingga kini usaha membanteras rasuah melalui NKRA di bawah GTP telah membawa banyak perubahan yang positif serta telah meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan sektor awam/kerajaan. Ini telah dapat dilihat daripada keputusan Global Corruption Barometer (GCB) serta kaji selidik Frost and Sullivan terhadap usaha kerajaan membanteras rasuah di Malaysia.

Usaha Kerajaan melalui NKRA Membanteras Rasuah juga telah membuahkan hasil serta mendapat sambutan di kalangan sektor korporat di mana lebih 300 syarikat telah tampil menandatangani *Corporate Integrity Pledge* (CIP) dan bekerjasama dengan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha menyediakan langkah-langkah pencegahan rasuah dalam organisasi mereka.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Impak atau keberkesanan inisiatif-inisiatif ini ada yang dapat dilihat dalam masa yang singkat dan kebanyakannya pula merupakan inisiatif jangka panjang yang hanya akan dilihat atau dirasa keberkesanannya beberapa tahun akan datang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH : 19 MAC 2014
SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Menteri akan turun padang melawat hospital-hospital di pedalaman Sabah termasuklah hospital di daerah Tambunan untuk melihat sendiri dan mendengar daripada doktor-doktor mengenai keperluan-keperluan hospital berkenaan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk dan pesakit-pesakit di daerah-daerah pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua,

YB Menteri Kesihatan Malaysia sentiasa bersedia untuk turun padang bagi melihat sendiri masalah-masalah dan keperluan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan di seluruh negara termasuk di daerah Tambunan. Ahli-ahli Parlimen sentiasa dialu-alukan untuk mengeluarkan pandangan dan rintihan masyarakat setempat

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
KAWASAN : SIBU
TARIKH : 19 MAC 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos dan ketinggian Jambatan Kuala Igan yang akan dibina di Sarawak. Siapakah kontraktornya dan adakah jambatan itu akan mengutip tol.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk cadangan projek jambatan Sungai Igan, Sarawak telah disiapkan pada tahun 2011. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan tuju sepanjang 7.3km (reka bentuk piawai R5) dan pembinaan sebuah jambatan konkrit yang baru sepanjang 1.34km dengan ketinggian 40 meter dari aras Sungai Igan di Jalan Negeri, iaitu di Jalan Matu / Igan / Oya, Sarawak. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM250 juta. Berdasarkan perancangan, projek tersebut akan dilaksanakan secara tender konvensional oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) menerusi peruntukan Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun peruntukan yang diluluskan setakat ini dalam RMKe-10 adalah untuk tujuan reka bentuk sahaja. Sehubungan itu, kementerian ini akan memohon peruntukan untuk tujuan pembinaan dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2014

Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cadangan menilai semula regim subsidi kepada yang lebih bersasar dalam bahan api dan keperluan harian bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan untuk subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) termasuk rasionalisasi subsidi untuk meningkatkan kecekapan

perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini perlu bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini, 3% pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020 tercapai. Komitmen tersebut adalah bagi memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Pada masa kini, kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka, namun Malaysia mengambil pendekatan secara beransur-ansur (*gradualism*) bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama mengekalkan kesejahteraan rakyat.

Langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar. Di samping itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos

sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran (*targeting mechanism*). Aspek tersebut juga menjadi asas pertimbangan bagi Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi secara tidak langsung akan dipulangkan kembali kepada rakyat terutama golongan bersasar supaya kesan kenaikan kos sara hidup dapat diimbangi. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam menangani peningkatan kos sara hidup adalah seperti berikut:

- ^ Meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah;
- ^ Memperkenalkan i-BR1M bagi memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima isi rumah BR1M sekiranya berlaku kematian atau

hilang upaya kekal akibat kemalangan;

- ^ Memberi bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar tanpa mengira pendapatan keluarga;
- ^ Memberi bantuan persekolahan murid sekolah dalam bentuk pemansuhan yuran persekolahan, bantuan makanan dan pinjaman buku teks serta insurans bas sekolah;
- ^ Memberi bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada keluarga berpendapatan rendah;
- ^ Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar institut pengajian tinggi bagi membantu mengurangkan kos pembelian buku dan peralatan pembelajaran;
- ^ Membuka lebih banyak pasar tani, pasar ikan, gerai buah, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) serta jualan terus dari kilang bagi memastikan harga yang berpatutan untuk produk makanan dan keperluan asas;
- ^ Melaksanakan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memberi bantuan dari segi kos penghantaran dan pengagihan;
- ^ Meneruskan subsidi, insentif dan bantuan lain seperti subsidi pertanian, pesawah, nelayan, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dengan peruntukan sebanyak RM39.4 billion pada 2014 (2013: 46.7 bilion);
- ^ Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma.

Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran;

- ^ Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Jabatan Perumahan Negara (Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu), Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan
- Memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan tahun 2013 yang akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai jawatankuasa pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barangan secara bersepadu.

Pada tahun 2015, satu jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang lebih menyeluruh akan diperkenalkan. Sehubungan dengan itu, Unit

Perancang Ekonomi (EPU) sedang menjalankan kajian bagi mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial tersebut. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif, termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M bagi memastikan tiada pertindihan dan keciciran pemberian bantuan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi subsidi bukanlah satu-satunya langkah bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Sebagai langkah awal, Kerajaan telah melaksanakan 11 langkah penjimatan bagi memastikan perbelanjaan yang lebih berhemat. Kesemua langkah ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 – “Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam” berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta bagi tahun 2014. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan

kecekapan perbelanjaan, terutamanya bagi projek yang berimpak tinggi.

Selain itu, bagi memastikan pembelian barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (*value for money*), Kerajaan telah mengetatkan prosedur perolehan Kerajaan dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Mengurangkan *threshold* bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan
- ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (*Schedule of Rates*) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Langkah ini dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 – “Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja *Requisition*” berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada langkah tersebut adalah sebanyak RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa perihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan negeri Kelantan adalah salah satu daripada pengeluar hasil gas di Malaysia. Bilakah Kerajaan ingin membekalkan khidmat stesen-stesen NGV yang lebih banyak di negeri itu untuk kemudahan rakyat sebagai alternatif kepada penggunaan petrol.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, PETRONAS mempunyai sebanyak 177 buah stesen NGV yang membekalkan gas asli untuk kenderaan di Malaysia. NGV digunakan oleh 56,945 buah kenderaan, termasuklah 55,135 buah teksi. Sejumlah 94 buah stesen NGV terletak di Selangor dan Wilayah Persekutuan manakala selebihnya terletak di lain-lain negeri termasuk sebuah stesen di Kelantan.

Stesen ini terletak di Pengkalan Chepa yang menggunakan treler "*Compressed Natural Gas (CNG)*" untuk mengangkut CNG dari stesen induk yang mempunyai sambungan kepada saluran paip gas asli kepada stesen-stesen lain di kawasan yang tiada saluran paip gas asli.

PETRONAS tidak mempunyai rancangan untuk memperluaskan penggunaan NGV di negeri Kelantan. Ini adalah disebabkan oleh dua perkara seperti berikut:

- i. Buat masa ini tidak terdapat rangkaian gas yang mencukupi di negeri Kelantan; dan
- ii. Perbelanjaan subsidi NGV adalah sangat tinggi iaitu kira-kira RM600 juta pada tahun 2013 memandangkan harga NGV dijual pada 68 sen seliter berbanding dengan kos RM2.03 seliter.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN
ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 19.3 2014
(RABU)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping (STCW)* akan dilaksanakan oleh PERHEBAT secara terus menerus yang akan tamat perkhidmatan samada selepas 13, 15, 18 atau 21 tahun bagi melayakkan mereka mengisi jawatan dalam kapal dagang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini latihan/kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping (STCW)* tidak dijalankan oleh Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera (PERHEBAT) disebabkan kekangan kewangan dan ketiadaan tenaga mahir selain jumlah permohonan untuk kursus berkenaan secara relatifnya adalah kecil. Pada masa ini pelaksanaan kursus STCW dijalankan dengan kerjasama beberapa syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Laut dan telah dilantik sebagai Panel Penyedia Latihan PERHEBAT. Penajaan bagi kursus ini adalah berdasarkan permohonan di mana proses saringan yang ketat dijalankan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berhasrat untuk bekerja di kapal dagang diluluskan untuk tajaan.

No. Soalan: 68
PR-1321-L60155

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : **19 MAC 2014**

SOALAN : **Dato' Seri Anwar bin Ibrahim**
[Permatang Pauh] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan berhubung penindasan kian serius minoriti Islam Rohingya di Myanmar dan sejauhmana kesediaan Kerajaan menyemak semula pelaburan syarikat-syarikat Malaysia sebagai tindakan mengenakan tekanan terhadap Kerajaan Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai mana yang Dewan yang Mulia ini sedia maklum, isu di Rakhine adalah masalah dalaman Myanmar. Sejajar dengan dasar tidak campur tangan ASEAN, Malaysia menghormati integriti wilayah dan kedaulatan Myanmar.

2. Di dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN, Negara-negara Anggotanya termasuk Malaysia sentiasa mengesa Kerajaan Myanmar memastikan rakyat negara tersebut dari etnik Rohingya sentiasa diberikan keadilan. Secara individunya, Malaysia juga telah mengeluarkan dua kenyataan mengenai situasi di Rakhine. Yang pertama telah dikeluarkan pada 20 Jun 2012, di mana Malaysia menyatakan kebimbangan terhadap konflik etnik di Rakhine. Kenyataan kedua telah dikeluarkan pada 14 November 2012, di mana Malaysia mengesa kerajaan Myanmar untuk mengambil tindakan tegas ke arah mengembalikan keamanan dan kestabilan di negara tersebut.

3. Malaysia juga telah mengesa Kerajaan Myanmar untuk melaksanakan langkah-langkah konkrit dan positif bagi menamatkan semua tindakan keganasan dan pelanggaran hak asasi manusia terhadap etnik Rohingya dan masyarakat minoriti Islam di negara itu. Malaysia juga mengambil berat dengan keadaan sekarang termasuk isu pelarian di Wilayah Rakhine akibat insiden keganasan yang masih

berlaku di sana yang melibatkan konflik diantara masyarakat Buddha dan etnik Islam.

4. Malaysia berharap Kerajaan Myanmar dapat melaksanakan cadangan-cadangan dalam laporan awal Suruhanjaya Siasatan Rakhine dengan segera untuk memulihkan keadaan di Wilayah Rakhine. Malaysia juga percaya bahawa perdamaian di Myanmar akan membolehkan langkah-langkah memulihkan perpaduan di kalangan pelbagai kumpulan etnik di negara tersebut termasuk etnik minoriti Islam Rohingya dilaksanakan secara lebih berkesan.

5. Tekanan melalui sekatan ekonomi yang diamalkan oleh negara-negara Barat telah nyata gagal mempengaruhi Kerajaan Myanmar melaksanakan reformasi sosial, politik dan ekonomi. Sebaliknya, pendekatan yang diamalkan oleh ASEAN dengan tidak memulaukan atau mengenakan sekatan ekonomi terhadap Myanmar, telah terbukti berkesan dalam mempengaruhi negara tersebut melakukan reformasi dalaman yang diharapkan. Oleh itu, sebarang cadangan untuk Malaysia mengenakan sekatan ekonomi ke atas Myanmar sebagai usaha menyelesaikan isu dalaman negara tersebut adalah tidak sesuai untuk dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

**TARIKH JAWAPAN : 19 MAC 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Pemindahan Teknologi (*Technology Transfer*) dan Latihan kepada Pegawai Kerajaan dan Syarikat Tempatan hasil dari *International Green Tech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2013* (IGEM 2013).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* atau IGEM merupakan aktiviti 'flagship' anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sejak tahun 2010. Selain mempromosikan kepentingan amalan dan aplikasi teknologi hijau dalam menangani perubahan iklim dan alam sekitar di kalangan pengguna dan pihak industri, IGEM juga berperanan sebagai platform dalam menggalakkan pelaburan dan pembangunan usahawan dalam bidang teknologi hijau melalui pemindahan teknologi (*technology transfer*) serta pengukuhan keupayaan dan pengetahuan.
2. Pameran IGEM menyediakan peluang kepada peserta-peserta pameran dan pengunjung perniagaan untuk mengenal pasti kemajuan teknologi dan kepakaran terkini aplikasi teknologi hijau serta menggalakkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman untuk menyokong pembangunan industri yang mesra alam. Selain itu, sesi Padanan Perniagaan (*Business Matching Session*) yang

dikelolakan oleh MATRADE, *Business Clinic* yang dikendalikan oleh MIDA, '*Green Insight*' dan sesi '*One to One BizMatch*' memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan berbincang serta mengadakan jalinan dan rangkaian kerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa berkaitan pembangunan dan aplikasi teknologi hijau.

3. IGEM2013 pada tahun lepas telah juga menyaksikan sebanyak enam Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang teknologi hijau dimuktamadkan yang melibatkan syarikat tempatan dan luar negeri, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, Institusi Pengajian Tinggi dan penyelidikan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Secara dasarnya, MOU berkenaan bertujuan untuk membantu dan mempertingkatkan keupayaan pihak berkepentingan dalam menyokong pembangunan dan pemindahan teknologi berkaitan produk dan perkhidmatan hijau di kalangan industri kecil dan sederhana.
4. Salah satu aktiviti utama semasa IGEM ialah penganjuran Persidangan IGEM yang melibatkan penyertaan peserta dan *speaker* antarabangsa dan tempatan. Persidangan tersebut telah dianjurkan sejak tahun pertama IGEM lagi iaitu pada tahun 2010

sehingga kini dalam menyokong dan membangunkan aplikasi dan perkhidmatan mengenai pelbagai bidang teknologi hijau, meningkatkan ekonomi negara sekaligus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan teknologi hijau di kalangan masyarakat. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 300 peserta setiap tahun yang terdiri daripada golongan profesional, NGO, sektor awam dan swasta serta para pelajar. Lebih daripada 20 orang *speaker* yang terdiri daripada pakar-pakar daripada dalam dan luar negara telah dijemput untuk berkongsi dan bertukar-tukar pandangan dan maklumat terkini mengenai bidang teknologi hijau di negara masing-masing.

5. Selain itu, beberapa bengkel/seminar turut dianjurkan dengan kerjasama daripada organisasi-organisasi seperti Global Entrepreneurship Summit (GES), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia Green Building Confederation (MGBC), Syarikat iTrain Sdn. Bhd., *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) dan lain-lain. Topik-topik penting merangkumi peluang perniagaan industri hijau, pembiayaan dan kewangan, perolehan hijau, peluang/pasaran produk Teknologi Hijau serta bidang teknologi maklumat (Green ICT). Seminar/bengkel ini menghimpunkan penceramah dan pembentang terkenal dari dalam

dan luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan telah dihadiri oleh peserta-peserta yang terdiri daripada peserta pameran (*exhibitor*), sektor awam dan swasta, golongan professional, Badan Bukan Kerajaan (NGO), para pelajar dan orang awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN YANG KE-13
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
TARIKH : 19 MAC 2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 70

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan dengan terperinci langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi tangani isu - isu yang telah menyumbangkan kepada peningkatan ketegangan antara kaum dan agama dalam negara kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara

dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilham dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui:

- a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiwaan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.
- b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia.

- d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
- e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khasnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.
- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama.
- g) Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*).
- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- i) Penubuhan Skwad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kejiwaan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2014

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan:-

(a) jumlah penjawat awam yang memiliki rumah sendiri sama ada melalui pinjaman perumahan Kerajaan atau institusi kewangan swasta sehingga 2013; dan

(b) adakah projek perumahan PR1MA yang dilancarkan akan berjaya menyelesaikan masalah perumahan di kalangan mereka, dan jika benar, berapa peratus daripada masalah ini dapat diselesaikan.

JAWAPAN

a) Statistik bilangan penjawat awam yang memiliki rumah sendiri melalui

pembiayaan Bahagian Pinjaman Perumahan (HLD) bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

TAHUN	STATISTIK BILANGAN PENJAWAT AWAM
2009	38058
2010	37097
2011	38391
2012	43185
2013	44219

b) Rumah-rumah PRIMA adalah terbuka kepada semua individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM7,500. Program PRIMA yang khusus untuk golongan berpendapatan sederhana ini telah menarik minat ramai termasuk penjawat awam untuk memiliki rumah. Ini adalah kerana harga rumah PRIMA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran terkini rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PRIMA tersebut. Secara amnya, harga rumah yang ditawarkan adalah antara RM100 – RM400,000 dan ia tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN HEE LOY SIAN**
(PETALING JAYA SELATAN)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **19.03.2014**

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membantu golongan yang pertama kali memohon pinjaman pembelian rumah dan kelonggaran yang diberikan oleh pihak bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejajar dengan hasrat Kerajaan

untuk menggalakkan rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri, beberapa inisiatif bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah kediaman mereka yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah:

(i) Skim Rumah Pertamaku (Skim) telah dilancarkan pada 8 Mac 2011 bagi membantu para peminjam yang berpendapatan sederhana. Skim ini bertujuan untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan, atau pasangan suami isteri yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada institusi perbankan untuk pembelian rumah pertama mereka yang bernilai RM220,000 ke bawah (bagi permohonan secara individu) atau RM400,000 ke bawah (bagi permohonan suami dan isteri);

(ii) Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bertujuan untuk membantu isi rumah yang berpendapatan di antara RM2,500 -

RM7,500 sebulan. Kerajaan mensasarkan untuk menyediakan 500,000 unit kediaman mampu milik menjelang 2018 yang akan menyumbang kepada menangani situasi permintaan melebihi penawaran; dan

(iii) Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) telah ditubuhkan pada tahun 2008 untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai penyata gaji untuk mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman mereka. SJKP menyediakan jaminan kemudahan kewangan untuk pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan bagi tujuan pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM100,000 ke bawah.

2. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan peminjam yang layak terus mendapat akses kredit yang berterusan dan pada kos yang berpatutan.

(i) Di bawah Garis Panduan Pinjaman Kepada Sektor Keutamaan, sektor perumahan telah dikenalpasti oleh Bank Negara Malaysia sebagai sektor di mana institusi-institusi perbankan harus memberi

keutamaan dalam polisi pinjaman mereka. Susulan itu, institusi-institusi perbankan digalakkan menetapkan sasaran pinjaman bagi pembelian rumah yang berharga RM100,000 ke bawah.

(ii) Melalui Garis Panduan Pembiayaan yang Bertanggungjawab yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2012, Bank Negara Malaysia mengkehendaki institusi kewangan supaya mengamalkan pemberian pinjaman yang berhemah dan bertanggungjawab bagi memastikan individu mendapat pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan membayar semula sepanjang tempoh pembiayaan, termasuk keupayaan menyerap pelarasan dalam kos pinjaman dan perubahan dalam pendapatan.

3. Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) juga menyediakan saluran kepada orang ramai untuk mengemukakan sebarang masalah berkaitan dengan perkhidmatan perbankan, termasuk yang berkaitan dengan pembiayaan perumahan melalui pusat panggilannya sendiri iaitu *ABMConnect* di talian 1-300-88-9980.

4. Selain itu, orang ramai boleh mengemukakan masalah mereka sekiranya permohonan pinjaman mereka ditolak tanpa sebab / alasan yang munasabah dari institusi perbankan kepada Bank Negara Malaysia melalui saluran-saluran berikut:

- μ **BNMLINK**, Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

- μ **BNMTELELINK**

- μ Tel: 1-300-88-5465

- μ Fax: 03-2174 1515

- μ Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

- μ SMS : 15888

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Ir Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan akhir-akhir ini banyak kes yang melibatkan TASKA atau TADIKA iaitu seperti penderaan kanak-kanak dan perkara lain yang tidak diingini:

- (a) apakah ada perancangan Kementerian untuk memastikan tidak wujudnya TASKA atau TADIKA yang tidak berlesen; dan
- (b) apakah ada pemantauan Kementerian bagi memastikan tidak berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA atau TADIKA berlesen.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan aspek pengasuhan serta perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak. Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berkualiti menjadi perjuangan kementerian bagi membolehkan kerajaan membentuk modal insan yang terbaik.

Bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha mendaftarkan TASKA mereka, KPWKM telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

(i) Penurunan Kuasa Kelulusan Perakuan Pendaftaran TASKA

Penurunan kuasa bagi meluluskan perakuan pendaftaran TASKA daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada Pengarah Kebajikan Negeri telah dibuat bagi mengurangkan karenah birokrasi selain mempercepatkan proses pendaftaran TASKA;

(ii) Memanjangkan Tempoh Sah Perakuan

Tempoh sah perakuan pendaftaran TASKA telah dipanjangkan dari satu tahun kepada 5 tahun bagi mengurangkan beban pengusaha untuk memohon perakuan pendaftaran setiap tahun;

(iii) Pusat Sehenti (OSC)

Penubuhkan OSC yang berfungsi sebagai platform penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat membolehkan isu-isu penubuhan dan pendaftaran TASKA diselesaikan dengan lebih pantas;

(iv) Program bersama Pengusaha TASKA

JKM mengadakan perjumpaan dengan pengusaha TASKA tidak berdaftar untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha dari masa ke semasa;

(v) Kempen Jom Daftar

JKM mengadakan kempen Jom Daftar mulai bulan Jun hingga Disember 2011 untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tentang kepentingan pendaftaran TASKA. Hasilnya, hingga

bulan Februari 2012, pendaftaran TASKA telah meningkat kepada 900 buah berbanding 485 buah pada tahun 2010.

(vi) Insentif Permulaan TASKA

Kerajaan memberi insentif kepada pengusaha TASKA baharu yang mendaftar operasi mereka dengan JKM. Dalam hal ini, kerajaan memberi insentif berjumlah RM3,000.00 secara *one-off* kepada pengusaha TASKA di rumah.

Selain itu, TASKA baharu yang berdaftar dengan JKM yang mempunyai bilangan kanak-kanak seramai 20 orang ke bawah layak menerima insentif berjumlah RM10,000.00. Manakala bagi TASKA baharu yang mempunyai lebih 20 orang kanak-kanak serta memasang kemudahan CCTV, pengusaha TASKA berkenaan layak menerima insentif berjumlah RM20,000.00. Kesemua insentif ini adalah hanya untuk tahun 2013.

(vii) Insentif Fi Kursus Asuhan PERMATA

Kerajaan memberi subsidi fi kursus asuhan sebanyak RM500.00 seorang kepada pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh TASKA berdaftar yang mengikuti Kursus

Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (Kursus Asuhan PERMATA).

Tuan Yang Dipertua,

(b) Bagi memastikan tidak berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA yang berdaftar, JKM mengambil tindakan-tindakan berikut:

(i) Pemeriksaan Berkala

Memastikan semua TASKA dibuat pemeriksaan berkala 3 bulan sekali bagi memastikan TASKA mematuhi kurikulum asuhan dan didikan yang ditetapkan selain aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan kanak-kanak;

(ii) Aduan dan Talian Nur 15999

KPWKM mengalu-alukan aduan atau maklum balas daripada orang ramai berhubung kes penderaan kanak-kanak di TASKA. Dalam hal ini, talian Nur 15999 telah diwujudkan bagi membolehkan orang ramai membuat aduan dan pihak JKM mengambil tindakan susulan dengan segera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN : 74

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:

Berapakah jumlah peruntukan bagi Universal Service Provision (USP) daripada segi peratusan di Sarawak berbanding dengan jumlah besar seluruh negara. Senaraikan secara terperinci penggunaan peruntukkan tersebut di Sarawak mengikut bahagian kawasan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan daripada Dana Universal Service Provision (USP) daripada segi peratusan di Sarawak berbanding dengan jumlah besar seluruh negara adalah dalam lingkungan 22%.

SOALAN NO: 74

Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan projek-projek seperti Komputer 1Malaysia, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), Pusat Jalur Lebar Komuniti Mini (Mini CBC/PJK), Perpustakaan Jalur Lebar (PJL), Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan juga Program Perluasan Liputan Selular (Time 3).

Senarai terperinci peruntukan adalah seperti di Jadual 1 berikut:

SOALAN NO: 74

JADUAL 1

No.		Bahagian Parlimen	PJL	KTW1M	Mini PJK	PI1M	Menara Time 3	Komputer 1Malaysia	Jumlah iniatif
P	192	Mas Gading	1	50	1	7	9	5,740	70
P	193	Santubong		45	1	1	5	6,288	52
P	194	Petra Jaya		16				8,092	16
P	195	Bandar Kuching		2	1			5,625	3
P	196	Stampin		22				5,759	22
P	197	Kota Samarahan	3	59	1	7	3	5,010	73
P	198	Mambong		44		1	3	7,550	48
P	199	Serian	4	40	1	2	9	6,202	56
P	200	Batang Sadong		42	1	2	5	5,670	50
P	201	Batang Lupar		31		2	5	5,009	38
P	202	Sri Aman	2	34	1	2	10	9,046	49
P	203	Lubok Antu		26	1	2	7	5,159	36
P	204	Betong	3	34	1		6	10,900	44
P	205	Saratok	1	48	1	2	10	8,040	62
P	206	Tanjong Manis		18	1	1	9	4,597	29
P	207	Igan		32	1	1	5	5,620	39
P	208	Sarikei	3	67	3	3	1	5,719	77
P	209	Julau		40	2	4	10	11,631	56
P	210	Kanowit		53	1	3	12	5,464	70
P	211	Lanang		9			1	5,840	10
P	212	Sibu		14	1		3	7,272	18
P	213	Mukah	1	46	3	7	4	9,341	61
P	214	Selangau		14		1	8	7,963	23
P	215	Kapit	1	25	2	3	8	7,722	39
P	216	Hulu Rajang		17	1	1	9	5,529	28
P	217	Bintulu	4	31	2	2	20	11,284	59
P	218	Sibuti		16			9	6,727	25
P	219	Miri		11	2		1	14,251	14
P	220	Baram	2	29	2	2	21	9,240	57
P	221	Limbang			1	3	6	7,083	7
P	222	Lawas	1	43	1	2	4	7,396	56
Jumlah Bilangan			26	958	33	61	203	226,769**	1287
Jumlah Kos (RM)			27,000,000	87,000,000	2,000,000	134,000,000	360,000,00	350,000,00	960,000,000

**Bagi projek Komputer 1Malaysia, jumlah 226,769 unit komputer mengikut pecahan parlimen adalah jumlah Netbook yang telah diagihkan kepada penerima di Sarawak.

NO. SOALAN: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6524

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kos perbelanjaan Ops 6P bersepadu, berapakah denda yang telah diterima dan berapakah kos perbelanjaan untuk menahan dan penghantaran pulang PATI ke negara asal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh dari 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 iaitu melalui Ops 6P Bersepadu Fasa 1, kompaun yang diterima adalah sebanyak RM13,891,858.00 dan kos perbelanjaan menahan dan penghantaran pulang seramai 23,120 PATI ke negara asal adalah sebanyak RM5,702,456.70

Bagi tempoh dari 21 Januari 2014 hingga 28 Februari 2014 iaitu melalui Ops 6P Bersepadu Fasa 2, kompaun yang diterima adalah sebanyak RM5,175,444.00 dan kos perbelanjaan menahan dan penghantaran pulang seramai 3,185 PATI ke negara asal adalah sebanyak RM2,870,183.85

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik]
TARIKH : 19.03.2014
SOALAN :

Y.B. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan tiada keciciran persekolahan di kalangan kanak-kanak dan remaja terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dalam memastikan setiap kanak-kanak dan remaja di bandar dan luar bandar menerima pendidikan yang disediakan oleh sistem pendidikan negara. Dalam perkara ini, pelbagai usaha dan pendekatan telah dirancang dan dilaksanakan oleh KPM dalam mengurangkan kadar keciciran persekolahan terutamanya di kawasan luar Bandar di negara ini seperti:

1. Penekanan kepada pendidikan wajib peringkat rendah.
2. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang mencukupi selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib;

3. Menyediakan bantuan persekolahan dan pemantauan yang berterusan untuk memastikan tiada murid tercicir daripada mendapat pendidikan wajib.
4. Melaksanakan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) untuk memastikan murid Orang Asli dan Penan mendapat Sembilan tahun pendidikan.
5. Menyediakan program pendidikan alternatif seperti Sekolah Dalam Hospital (SDH) bagi kanak-kanak yang menerima rawatan berpanjangan di Hospital dan juga menyediakan Sekolah Integriti bagi pelajar-pelajar tahanan juvana.
6. Melaksanakan pendidikan Alternatif kepada pelajar-pelajar yang tidak mempunyai dokumen sama ada di bandar atau di luar bandar. Sebagai contoh;
 - i) Sekolah Bimbingan Jalinan kasih bagi kanak-kanak di bandar.
 - ii) *Community Learning Centre* (CLC) di ladang-ladang khususnya di Sabah dan Sarawak.
 - iii) Program pendidikan alternatif yang merupakan usaha sama antara Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KPM bagi kanak-kanak tanpa dokumen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pelajar yang mendapat biasiswa tajaan JPA dari tahun 2004 hingga 2013. Nyatakan jumlah mengikut tahun dan pecahan kaum dan purata perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pemegang biasiswa JPA untuk setiap tahun.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar yang menerima biasiswa tajaan JPA (dalam dan luar negara) dari tahun 2004 hingga 2013 adalah seramai 98,710 orang. Daripada jumlah yang dinyatakan, 76,483 (77%) orang adalah pelajar bumiputera dan 22,227 (23%) orang adalah pelajar bukan bumiputera.

Purata perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pemegang biasiswa JPA untuk setiap tahun adalah berbeza mengikut negara dan bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar. Anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan dalam negara adalah di antara RM10,350 hingga RM12,690 setahun. Manakala anggaran kos penajaan bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga hingga RM277,515 setahun.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

SOALAN :-

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan faktor-faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga hartanah yang mendadak tahun ini dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal fenomena ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga rumah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti permintaan dan penawaran, lokasi, kos tanah, kos buruh, kos bahan binaan serta kemudahan yang disediakan oleh pemaju. Faktor penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar menyebabkan permintaan perumahan yang tinggi melebihi penawaran turut menyumbang kepada peningkatan mendadak harga rumah. Kerajaan sememangnya sedar mengenai peningkatan harga rumah dan telah mengenal pasti beberapa langkah bagi memastikan harga rumah tidak meningkat disebabkan oleh faktor spekulasi dan mengambil keuntungan yang melampau. Pada masa ini, beberapa langkah yang telah digariskan oleh Kerajaan bagi menstabilkan harga rumah adalah seperti berikut:

(i) Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)

Mulai tahun 2014, bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga tiga tahun, kadar CKHT dinaikkan kepada 30

peratus, manakala pelupusan dalam tempoh empat dan lima tahun, kadarnya dinaikkan kepada 20 peratus dan 15 peratus.

Bagi warganegara, pelupusan yang dibuat dalam tahun keenam dan berikutnya, tidak dikenakan CKHT manakala bagi syarikat, CKHT dikenakan lima peratus.

Bagi bukan warganegara pula, CKHT dikenakan pada kadar 30 peratus bagi tempoh pegangan sehingga lima tahun dan pelupusan dalam tahun keenam dan berikutnya, RPGT dikenakan lima peratus

(ii) Nisbah Pembiayaan Perumahan (*Margin of Finance*)

Melalui mekanisme ini, nisbah pembiayaan bagi pembelian rumah ke-3 adalah ditetapkan pada kadar 70% sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30% dari kos harga rumah dengan wang sendiri.

(iii) Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM)

BNM telah mensyaratkan institusi kewangan tempatan bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi memastikan kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman.

(iv) Syarat baru penjualan secara pukal

Mulai tahun 2014, semua pemaju, dikenakan syarat baru mengenai penjualan secara pukal (*bulk*) atau *en-bloc* kepada pemaju perumahan. Penjualan secara pukal iaitu melebihi empat (4) unit rumah wajib mendapat kelulusan daripada Pengawal Perumahan terlebih dahulu dan dimasukkan sebagai syarat mandatori dalam setiap Permit Iklan dan Jualan Pemajuan Perumahan yang dikeluarkan mulai 1 Mac 2014

(v) Menaikkan nilai minimum pembelian hartanah oleh warga asing

Harga minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1juta.

(vi) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah

Pemaju hartanah perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang ditawarkan kepada pembeli seperti pengecualian yuran guaman, duti setem perjanjian jual beli, rebat tunai dan hadiah percuma.

(vii) Larangan pelaksanaan *Developer Interest Bearing Scheme* atau DIBS

Pemaju dilarang melaksanakan projek yang bercirikan DIBS bagi mengelakkan pemaju memasukkan tanggungan kadar faedah pinjaman pembeli semasa tempoh pembinaan ke dalam harga rumah. Oleh itu, institusi kewangan dilarang menyediakan pembiayaan akhir bagi projek terlibat dengan skim DIBS ini.

Kerajaan akan terus mengawasi kenaikan harga rumah dan jika perlu akan mengenakan langkah-langkah fiskal tambahan untuk memastikan harga hartanah tidak melambung dan membebankan pembeli rumah.

Di samping itu juga, Kerajaan akan meneruskan dan meningkatkan usaha-usaha penyediaan rumah mampu milik bagi memastikan golongan

berpendapatan pertengahan dan rendah dapat memiliki rumah sendiri. Antara program-program perumahan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Program Perumahan Rakyat (PPR)

Melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 39,000 unit rumah PPR khususnya bagi menampung keperluan golongan berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan dan penempatan semula setingan. Pada masa kini, PPR disewakan pada kadar RM124 sebulan dan dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak.

(ii) Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)

Kerajaan telah melancarkan PR1MA yang berkonsepkan *Public Private Partnership* (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM7,500 sebulan) mampu memiliki rumah sendiri dengan harga berpatutan di antara RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung pada lokasi. Harga jualan rumah PR1MA adalah lebih

lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan PR1MA adalah di atas tanah milik Kerajaan dengan usaha sama pemaju swasta.

(iii) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan program PPA1M khususnya di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru dan Pulau Pinang bagi membantu penjawat awam untuk memiliki rumah sendiri. PPA1M mensasarkan pembinaan rumah pada harga RM90,000 hingga RM300,000 dengan keluasan 850 hingga 1,500 kaki persegi untuk penjawat awam yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM8,000 sebulan. Harga jualan PPA1M lebih murah berbanding harga pasaran kerana kos tanah tidak diambil kira dalam harga jualan dan Dana Mudah Cara daripada Kerajaan digunakan bagi membiayai kos penyediaan infrastruktur asas.

(iv) Lain-Lain Program Perumahan

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan beberapa program perumahan yang lain bagi memastikan golongan berpendapatan

rendah dan sederhana yang tinggal di bandar mampu memiliki rumah sendiri seperti berikut:

- (a) **Program Bantuan Perumahan Bandar** di bawah **Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)** oleh **Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)** bagi membantu menyediakan rumah bagi golongan berpendapatan rendah;
- (b) **Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)** yang dikendalikan oleh **Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)**; dan
- (c) **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** bagi membantu Rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan sebanyak 100%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat impak kepada langkah-langkah ini dijangkakan akan dapat dilihat pada pertengahan tahun ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang diberi kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) oleh Majlis Keselamatan Negara dan Biro Tata Negara. Senaraikan mengikut nama program atau nama aktiviti, berapa peruntukan yang diberikan dan agensi yang memperuntukan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri tiada menyediakan peruntukan khusus kepada pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walaubagaimanapun, sedikit peruntukan disediakan untuk membantu badan tersebut mengadakan seminar '**TRANSFORMASI EKONOMI ANTARA KAUM DAN BANGSA TERAS SEBAGAI ASAS PERPADUAN RAKYAT**' telah diberikan dan program ini telah dihadiri dan memberi manfaat kepada 5000 peserta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi sumbangan/pampasan ganti rugi atau bantuan kemanusiaan dan lain-lain kepada mangsa bencana alam (banjir kilat) yang telah menerima musibah baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah bencana banjir. Pemberian bantuan wang ihsan RM500 oleh Kerajaan Persekutuan merupakan bantuan yang diberikan kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir bagi mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda.

Walau bagaimanapun, perlu dimaklumkan juga bahawa agihan bantuan ihsan daripada Kerajaan Persekutuan ini bukanlah satu bentuk pampasan kepada kerugian yang dialami mangsa tetapi sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam meringankan beban mangsa bencana. Pemberian ini juga bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Agihan bagi penerima yang berpindah adalah berdasarkan kepada senarai mangsa yang mendaftar dengan JKM semasa di pusat pemindahan manakala bagi yang tidak berpindah, agihan adalah tertakluk kepada senarai nama yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) selepas disahkan oleh Pegawai Daerah yang berkenaan. Bagi maksud kejadian bencana banjir yang berlaku di Bintulu baru-baru ini, agihan bantuan wang ihsan sebanyak RM500 telah disalurkan kepada 610 ketua isi rumah pada 14 Mac 2014.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek PETRONAS di Brazil bersama OGX dan apakah kerugian yang ditanggung oleh PETRONAS sekiranya ada.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS telah menamatkan kerjasama dengan OGX pada November 2013. Tiada sebarang pembayaran kepada OGX berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani antara PETRONAS dan OGX

Sekian, terima kasih.